

UCAPUTAMA 2

PENULISAN SEJARAH NEGERI PAHANG

Abu Talib Ahmad

Universiti Sains Malaysia

Abstrak

Siri sejarah negeri oleh Buyong Adil merupakan penulisan sejarah negeri paling terkenal sehingga kini. Walaupun popular siri ini tidak lagi memadai kerana ketiadaan perbincangan mendalam tentang perkembangan selepas merdeka selain gagal mengambilkira kemajuan penyelidikan dalam pelbagai bidang seperti arkeologi sejak 40-50 tahun yang lalu. Tumpuan eseai ini ialah kepada penulisan semula sejarah negeri Pahang dengan perbincangan dipecah kepada empat bahagian iaitu sejarah negeri yang terdapat di Malaysia, isu-isu dalam penulisan sejarah negeri Pahang, sumber untuk penulisan sejarah negeri dan aspek sejarah yang perlu dimasukkan ke dalam penulisan sejarah negeri sebelum 1941, untuk tempoh 1942-57 dan selepas 1957. Namun huraian lanjut hanya dibuat kepada sejarah negeri sebelum 1941 dengan fokus kepada Orang Asli, Hukum Kanun Pahang dan masyarakat sebelum kurun ke-19, perkembangan pertanian padi antara 1888-1941 serta banjir dan pertanian. Dari segi sumber rujukan dibuat kepada laporan tahunan Pahang antara 1888-1939, Hukum Kanun Pahang dan lain-lain.

Kata kunci: sejarah negeri, Buyong Adil, Orang Asli, Hukum Kanun Pahang, laporan tahunan.

Pengenalan

Minat terhadap sejarah negeri muncul ketika melakukan kajian tentang muzium di Malaysia antara 2007-2015.¹ Ketika itu didapati sejarah jenis ini agak terpinggir berbanding sejarah kebangsaan walaupun pelbagai aspek sejarah negeri masih dikaji oleh pelajar dalam bentuk latihan ilmiah, disertasi atau tesis. Pemerhatian ini kemudiannya dibentang dalam seminar *Pensejarahan Malaysia Pasca Merdeka* pada akhir 2015 dalam kertas kerja berjudul “Sejarah negeri dalam pensejarahan Malaysia: Kes negeri Pahang.”² Enam bulan kemudian kertas kerja ini telah diterbitkan dalam bahasa Inggeris dengan judul yang sedikit berbeza

¹ Abu Talib Ahmad, *Museums, History and Culture in Malaysia*. Singapore, NUS Press: 2017 (edisi pertama 2015).

² Prosiding Persidangan Sejarah Malaysia Pasca Merdeka yang diadakan pada 21 & 22 Disember 2015 di Dewan Persidangan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

“Pahang State History: A Review of the Published Literature and Existing gaps.”³ Keduanya merupakan pemerhatian awal berdasarkan pelbagai sumber sekunder seperti buku, eseai, latihan ilmiah, disertasi/tesis dan laporan penyelidikan. Seperti lazimnya pemerhatian awal ini akan diserap ke dalam penulisan sejarah Pahang yang lebih menyeluruh. Perbincangan ini merupakan hasil penyelidikan selepas beberapa tahun mengkaji pelbagai sumber berhubung Pahang serta bentuk sejarahnya. Dalam lain perkataan ianya merupakan satu cadangan bentuk sejarah baru untuk negeri Pahang yang lebih menyeluruh dan terkini. Pembentangan ini dibahagi kepada empat bahagian iaitu tinjauan tentang bentuk sejarah negeri yang terdapat di Malaysia, isu-isu dalam penulisan sejarah negeri Pahang sehingga kini, sumber untuk penulisan sejarah negeri Pahang dan aspek-aspek sejarah yang perlu dimasukkan dalam penulisan sejarah negeri Pahang sebelum 1941, tempoh 1942-57 dan selepas 1957.

Bentuk Sejarah negeri di Malaysia

Mengapa perhatian kepada sejarah negeri merupakan satu persoalan menarik. Sejak beberapa tahun yang lalu sejarah kebangsaan yang mendominasi sejarah di Asia Tenggara kerana peranannya dalam pembangunan dan pembentukan negara bangsa selepas merdeka telah mula dipersoalkan. Hal ini berkait dengan beberapa faktor termasuk pengaruh globalisasi selain tuntutan pelbagai kumpulan seperti media massa dan intelektual awam (*public intellectuals*) yang mahukan peranan lebih besar dalam penulisan sejarah.⁴ Sebagai jalan keluar dari kerangka sejarah kebangsaan Thongchai Winnichakul, seorang sarjana dari Thailand tetapi kini bermastautin di Amerika Syarikat, mencadangkan penulisan sejarah di *interstices* yang menurutnya bukan merujuk kepada sejarah dari bawah ataupun sejarah tempatan yang telah dinasionalkan. Sebaliknya beliau menekankan sejarah di *margin* dan sejarah lokalisasi elemen-elemen trasnasional (seperti pengaruh India ataupun Islam). Thongchai mengakui sejarah kebangsaan akan terus berguna untuk sedikit masa lagi; ini bermakna sejarah negeri (bukan sejarah di *interstices* dalam ungkapan Thongchai) akan turut berperanan. Ucaputama ini menegaskan perlunya untuk dilihat semula sejarah negeri dengan Pahang sebagai kes kajian kerana sebarang percubaan menulis sejarah kebangsaan perlu bermula dengan menulis semula sejarah pelbagai komponennya termasuk sejarah negeri. Mengapa Pahang? merupakan satu persoalan yang menarik. Dalam sejarahnya yang panjang negeri ini memaparkan beberapa perkembangan penting yang memberi kesan kepada naratif kebangsaan seperti jumpaan arkeologi di Hulu Tembeling dan kaitannya dengan kehidupan menetap berdasarkan pertanian sejak 4000 tahun lalu.⁵

³ Abu Talib Ahmad. Pahang State history: A Review of the Published Literature and Existing Gaps. *Kemanusiaan The Asian Journal of Humanities* 23(1): 2016, ms. 35-64.

⁴ Thongchai Winnichakul. Writing at the interstices: Southeast Asian historians and Postnational Histories. Dalam Abu Talib Ahmad, Tan Liok Ee (peny.), *New Terrains in Southeast Asian History*. Athens & Singapore, Ohio University Press, Singapore University Press: 2003. ms. 3-29.

⁵ Adi Haji Taha. Aspek-aspek prasejarah Pahang (tumpuan khusus kepada masyarakat memburu, mengumpul dan petani awal). Dalam Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman et. al. (peny.), *Pembangunan Arkeologi Pelancongan Negeri Pahang*. Pekan, Lembaga Muzium Negeri Pahang: 1997. ms. 26-43; Zulkifli Jaafar. Prasejarah Pahang Darul Makmur: Dengan Pengkhususan Penyelidikan Arkeologi Hulu Tembeling. Dalam

Namun sejarah negeri bukan sesuatu yang baru dalam sejarah Malaysia bermula dengan hikayat yang dikaitkan dengan sesebuah negeri atau kerajaan seperti *Sejarah Melayu* yang merujuk kepada Melaka, *Hikayat Merong Mahawangsa* yang merujuk kepada negeri Kedah, *Hikayat Seri Kelantan* yang berkait rapat dengan salasilah raja-raja Kelantan bermula dengan Long Yunos dari Patani, *Misa Melayu* yang menyentuh pemerintahan raja-raja Perak antara kurun ke-17 dan 18 sementara *Tuffat al-Nafis* yang berfokus kepada orang Bugis di Johor-Riau dan beberapa negeri Melayu lain antara kurun ke-17 dan 18.⁶ Hikayat yang lebih moden pula merujuk kepada penubuhan kerajaan baru atau pemerintahan diraja termasuk *Hikayat Pahang* yang memerihal kenaikan keluarga Bendahara bermula dengan Tun Ali dan perebutan jawatan Bendahara antara anak-anaknya dan kebangkitan Bahaman 1891-95. Di Kedah terdapat *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah* yang mengkritik pemerintahan Sultan Abdul Hamid (1882-1943) dan campur tangan Siam di Kedah sementara *Al-tarikh Salasilah negeri Kedah* lebih bersimpati terhadap raja-raja Kedah. Untuk Johor terdapat *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar* dan *Hikayat Johor dan Tawarikh Sultan Ibrahim hingga tahun 1941*. Penulis hikayat moden ini merupakan orang penting pemerintah atau pegawai kanan negeri seperti Haji Muhammad Nor Haji Abdul Hamid yang menulis salah satu versi *Hikayat Pahang* memainkan peranan penting dalam politik Pahang semasa perang saudara, menyusun pasukan Pahang yang terlibat dalam perang Kelang dan menamatkan kebangkitan Bahaman. Pengarang *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah* Wan Yahya Wan Muhammad Taib pernah berkhidmat sebagai penyelia Pejabat Monopoli dan Candu Kedah, pegawai daerah dan majisteret di Changloon (Kubang Pasu) dan kemudiannya Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah sementara Muhammad Hassan yang menulis *Al-tarikh Salasilah negeri Kedah* pernah berkhidmat sebagai setiausaha sulit Sultan Abdul Hamid. Penulis *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar* mula berkhidmat dengan kerajaan Johor di Pejabat Perbendaharaan pada 1890-an sebelum berpindah ke Pejabat Pos dan kemudiannya sebagai setiausaha sulit Sultan selama 45 tahun sehingga kematiannya pada 1955.

Pegawai kolonial seperti Winstedt, Wilkinson dan Linehan turut menghasilkan sejarah negeri masing-masing untuk Johor, Perak dan Pahang. Tulisan mereka telah mengilhamkan Buyong Adil (1907-76) untuk menghasilkan satu siri sejarah negeri pada 1960-an dan 1970-an selain Assad Syukri (Kelantan), Muhammad Husin Khal'ie (Kelantan) dan Muhammad Salleh Haji Awang atau Misbaha (Terengganu). Sebelum itu pada 1934 Buyong telah menulis buku *Sejarah Alam Melayu penggal IV* dan pada 1940 *Sejarah Alam Melayu penggal V* yang meliputi sejarah ringkas Negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Buku ini bukan sahaja dijadikan teks pengajaran sejarah di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) sebelum perang tetapi juga digunakan di sekolah sehingga 1960-an.⁷

Zainuddin Haji Jumaat et. al. (peny.), *Pahang Meniti Zaman*. Kuantan, Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Pahang: 2001. ms. 1-15.

⁶ Abu Talib Ahmad. Pahang State History: A Review of the Published Literature and Existing Gaps. ms. 35-45.

⁷ Abdul Rahman Haji Ismail & Badriyah Haji Salleh. History through the eyes of the Malays: Changing perspectives of Malaysia's past. Dalam Abu Talib Ahmad & Tan Liok Ee (peny.), *New Terrains in Southeast Asian History*. Athens & Singapore, Ohio University Press & Singapore University Press: 2003. ms. 171.

Diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sejarah negeri karya Buyong Adil didapati berbeza-beza dari segi liputan dengan ada yang panjang seperti *Sejarah Pahang* dan *Sejarah Johor* yang melebihi 380 halaman sementara untuk *Sejarah Sabah*, *Sejarah Negeri Sembilan*, *Sejarah Perlis* dan *Sejarah Kedah* kurang daripada 100 halaman. Buyong telah merujuk kepada pelbagai sumber termasuk tulisan pegawai kolonial selain hikayat. Untuk Kedah beliau hanya menyalin bulat-bulat *Al-tarikh Salasilah negeri Kedah*. Dalam ke semua tulisannya Buyong tidak banyak menyentuh sejarah pasca merdeka.

Usaha ini diikuti oleh ahli sejarah yang mengajar di universiti selain penulis sejarah yang mempunyai pendidikan universiti. Mereka menulis aspek atau tempoh tertentu sejarah negeri. Antara mereka termasuk Rawlins Bonney (Kedah), Fawzi Basri (Johor, Perak), Rahmat Saripan (Kelantan), Sharom Ahmat (Kedah), Shaharil Talib (Terengganu, Kelantan), Abdullah Zakaria (Johor, Perak, Terengganu), Aruna Gopinath (Pahang), Mohd Isa Othman (Kedah), Wan Shamsuddin (Kedah), Cheah Boon Kheng (Kedah, Kelantan), Julie Tang (Perlis), Mahani Musa (Kedah), Sanib Said (Sarawak) dan Ooi Keat Gin (Sarawak) selain mereka dari disiplin lain seperti Rahimah Abdul Aziz (Johor), Rasid Mail dan rakan-rakan (Sabah) dan Farish Noor (Pahang). Kebanyakan penerbitan ini merupakan hasil kajian di peringkat Ph. D. atau sarjana dan tamat sebelum 1941. Mohd Isa dan Julie Tang menamatkan kajian mereka pada 1957 sementara Farish Noor sehingga 1990-an. Antara ahli sejarah luar negara yang turut memberi perhatian kepada sejarah negeri termasuk Barbara Andaya (Perak) dan Leonard Andaya (Johor). Ahli sejarah suami isteri ini turut menghasilkan buku *A History of Malaysia* pada 1982. Sehingga 2017 buku ini sudah dua kali disemak semula.⁸

Walaupun popular sejarah negeri seperti tulisan Buyong Adil tidak lagi memadai kerana ketiadaan perbincangan mendalam tentang perkembangan selepas merdeka selain gagal mengambilkira kemajuan penyelidikan seperti dalam bidang arkeologi sejak 40-50 tahun lalu. Selepas 60 tahun merdeka penulisan sejarah negeri perlu melihat kepada tema-tema yang baru. Hanya dengan cara demikian sejarah negeri itu mampu memperkayakan naratif sejarah kebangsaan. Hal ini berbeza dengan *A History of Malaysia* yang telah dua kali disemak semula sehingga 2017 dengan mengambilkira perkembangan terkini dalam pelbagai aspek termasuk penghayatan Islam di Malaysia selepas 1980-an. Malah bekas ahli sejarah dari USM Cheah Boon Kheng cuba meneroka tema baru iaitu pembentukan sebuah negara bangsa bermula dari zaman Tunku Abdul Rahman hingga ke zaman Tun Mahathir Muhammad,⁹ satu bidang yang lazimnya didominasi oleh sarjana sains politik.

Pelbagai isu dalam penulisan sejarah negeri Pahang kurun 19 dan 20¹⁰

Sehingga kini antara isu-isu utama dalam pensejarahan Pahang kurun ke-19 dan 20 ialah perang saudara 1861-67, kenaikan Wan Ahmad sebagai Bendahara dan sultan, campur tangan British, kebangkitan Pahang, perbincangan ringkas sejarah politik sehingga awal 1930-an dan

⁸ Barbara Watson Andaya, Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*. London, Pelgrave: 2017. Edisi ketiga.

⁹ Cheah Boon Kheng, *Malaysia: The Making of a Nation*. Singapore, ISEAS: 2002.

¹⁰ Abu Talib Ahmad. Pahang State History: A Review of the Published Literature and Existing Gaps, ms. 46-64.

persaingan UMNO-PAS untuk memerintah Pahang selepas 1957. Semua ini digarap dalam beberapa karya utama seperti W. Linehan, Buyong Adil, Aruna Gopinath, Jang Aisjah Muttalib, Farish Noor, Suzana Haji Othman dan Abdul Talib Ahmad.

Untuk sejarah Pahang sebelum kurun ke-20 Linehan masih merupakan kajian terbaik.¹¹ Kajian ini bermula dengan zaman prasejarah sehingga tamatnya kebangkitan Pahang pada 1895 dengan lima bab pertama meliputi tempoh sebelum kurun ke-18. Beliau banyak menggunakan sumber Belanda, sumber China dan penyelidikan arkeologi yang beliau lakukan di Tembeling pada 1920-an. Untuk kurun ke-19 beliau lebih banyak merujuk kepada tulisan C. Gray, Abdullah Munshi, *Hikayat Pahang* dan koleksi dokumen Maharaja Perba Jelai. Untuk sejarah Pahang sehingga penghujung kurun ke-19 rujukan kepada Linehan merupakan keperluan yang tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Linehan tidak merujuk kepada sumber Pejabat Kolonial British (seperti CO 273) tetapi banyak menggunakan laporan tahunan Pahang yang kini dikelompok dalam CO 437 *Sessional Papers Annual Report on the Society and Economic Progress of the People of Pahang*.

Buyong Adil pula telah merujuk kepada pelbagai sumber termasuk Linehan dan *Hikayat Pahang*. Bagi Buyong sejarah Pahang bermula dari zaman batu tetapi fokusnya ialah kepada kurun ke-19 – perang saudara, kemunculan Wan Ahmad sebagai Bendahara dan Sultan, penglibatan baginda dalam perang Kelang, saingen daripada adindanya Wan Mansur, campur tangan British dan pentadbiran kolonial, kebangkitan 1891-95 yang menjadi fokus utama buku ini dan Pahang dari 1895 hingga 1970. Teks ini berakhir pada 1970 yakni tahun kematian Mat Kilau, salah seorang pemimpin kebangkitan Pahang. Buku ini sangat berpengaruh dalam kalangan pelajar mahupun pembaca yang sudah berumur. Dalam satu seminar yang diadakan di Kuantan pada 2016 nama Buyong masih disebut-sebut oleh seorang profesor pengajian Islam ketika membincangkan agama Islam di Pahang.

Sementara itu bekas pensyarah dari Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Aruna Gopinath meneliti perkembangan politik Pahang antara 1880 hingga 1935 khususnya kenaikan Wan Ahmad sebagai Bendahara dan Sultan, usaha baginda untuk mempertahankan kuasanya sebelum dan selepas 1888. Gopinath banyak merujuk kepada dokumen Pejabat Kolonial, fail Pejabat Pesuruhjaya Tinggi, Catatan Harian Hugh Clifford untuk 1887 dan 1888, laporan tahunan negeri Pahang selain fail-fail daerah seperti Temerloh dan Kuantan. Gopinath bermula dengan struktur politik dan pentadbiran Pahang sebelum 1888. Dasar Wan Ahmad yang meletakkan penyokong baginda ke jawatan tinggi menyebabkan berlakunya persaingan antara mereka dengan aristokrat lama. Persaingan ini kemudiannya membawa kepada campurtangan British pada 1888. Perkembangan pentadbiran kolonial berikutnya turut memberi kesan kepada kuasa besar dari segi politik dan ekonomi yang kemudiannya membawa kepada usaha mengusir Britain yang mendapat sokongan besar dan Sultan Ahmad. Namun usaha ini gagal dan Britain terus berusaha mengurangkan kuasa sultan. Selepas kemangkatan baginda pada 1914 usaha Britain menguasai Pahang telah menemui penghujungnya.

¹¹ W. Linehan, *A History of Pahang*. Kuala Lumpur, MBRAS: 1973

Jang Aisjah Muttalib pula melihat kebangkitan Bahaman dari sudut masyarakat tradisional Pahang sebelum 1891, hubungan dengan barat selepas 1888 dan kesannya kepada masyarakat tradisional sementara kegalannya berkait rapat dengan “perselisihan antara pembesar lama dengan pembesar baru.”¹² Beliau merujuk kepada fail Sekretariat Selangor di Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur dan Perpustakaan Kebangsaan Singapura. Farish Noor, seorang ahli sosiologi, menulis sejarah Pahang tetapi menggunakan pendekatan dekonstruktivis dengan menggabungkan psikoanalisis, teori kritikal dan teori pasca-struktural. Tujuan beliau ialah untuk “membuktikan kemunculan Pahang sebagai satu idea, dan bagaimana tanggapan tentang negeri dan identiti serta kedudukan di dunia telah dicipta, ubahsuai, ditandingi dan disemak semula mengikut situasi semasa.” Farish turut membincangkan bagaimana Pahang direkasemula semula selepas 1957 dalam konteks persaingan pelbagai parti politik seperti UMNO dan PAS untuk menguasainya. Suatu yang menarik tentang buku ini ialah temubual dengan baginda Sultan Ahmad Shah yang disertakan sebagai lampiran.

Abdul Talib pula mempertahankan Dato’ Bahaman yang telah dikritik hebat oleh tulisan-tulisan sedia ada. Malah beliau mendakwa Bahaman telah memainkan peranan penting termasuk “menubuhkan sebuah negeri lengkap dengan sultan dan hirarki pembesar, menjadikan Pahang sebuah negeri berdaulat dan membantu sultan Selangor yang diancam perang saudara.” Bagi Abdul Talib Bahaman merupakan ‘Bapa Kemerdekaan Pahang.’¹³ Abdul Talib juga memberi justifikasi kepada langkah Wan Ahmad mencabar Tun Mutahir untuk jawatan Bendahara yang menurutnya dilakukan berasas kepada wasiat Bendahara Tun Ali. Dalam cabaran ini Bahaman dan rakan-rakan memainkan peranan penting bagi pihak Wan Ahmad. Abdul Talib mengkritik Wan Tanjung (anak sulong Tun Mutahir yang memerintah bagi pihak bapanya) dan konco-konconya yang hanya memporakperandakan negeri serta bertindak zalim terhadap rakyat. Golongan agama dikritik kerana gagal menyampaikan ajaran Islam sebenar sementara golongan pembesar pula hanya mementingkan kedudukan masing-masing dan bukannya menasihati pemerintah negeri ke arah kebaikan.

Suzana Haji Othman cuba mengimbangi prejudis *Hikayat Pahang* terhadap pensejarahan perang saudara selain mengkritik penulis/pengkaji yang menyokong interpretasi rasmi yang ditunjangi hikayat ini. Suzana telah memberikan satu sisi baru berhubung perang saudara dengan menggunakan sumber yang menurutnya “mampu memberikan keseimbangan yang sangat diperlukan bagi mengubah ‘status quo’ pengkisahan perang saudara yang memihak kepada Wan Ahmad.”¹⁴ Melalui surat-surat persendirian yang diperolehi dari Arkib Negara Malaysia beliau mendedahkan peranan British dari mula lagi yang sudah memihak kepada Wan Ahmad. Isu yang mendapat kritikan Suzana termasuk alasan-alasan yang dikemukakan Wan Ahmad untuk melancarkan pemberontakan, *Hikayat Pahang* sebagai sumber berhubung perang saudara, kepengarangan W. Linehan, Buyong Adil dan Gopinath tentang perang saudara, salasilah Bendahara Tun Mutahir, kedudukan makam Tun Mutahir di Bukit

¹² Jang Aisjah Muttalib, *Pemberontakan Pahang, 1891-1895*. Kota Bharu, Pustaka Aman Press: 1972. ms. 254

¹³ Abdul Talib Ahmad, *Dato Bahaman*. Pelabuhan Kelang, Syarikat Doyan Shipping: 1975. ms. 2-3.

¹⁴ Suzana Haji Othman, *Mencari Sejarah: Tun Mutahir Tun Ali Bendahara Seri Maharaja Pahang (1857-1863M)*. Tt; Pustaka BSM Enterprise: 2001. ms. 82.

Timbalan, Johor Bahru selepas pembinaan Bangunan Sultan Ibrahim pada 1930-an dan gelaran Tun dalam masyarakat feudal Melayu sejak zaman Melaka. Kritikan beliau terhadap *Hikayat Pahang* amat keras sekali “Dengan memperlekehkan kewibaan Tun Mutahir, memburuk-burukan keperibadian waris-warisnya, pengkisahan *Hikayat Pahang* mempunyai matlamat jangka panjang yang tersendiri...pengkisahan *Hikayat Pahang* juga dibuat supaya bangsa Melayu melupakan kenangan Tun Mutahir, membuang simpati kepada perjuangan waris-warisnya dan akhirnya dapat menerima pengganti baginda sebagai pemerintah bumi Pahang yang sah dan berdaulat.”¹⁵ Mungkin ramai yang tidak bersetuju dengan tafsiran baru yang dibuat oleh Suzanna; sekurang-kurangnya tafsiran ini memberi sudut baru pensejarahan perang saudara ataupun pameran sejarah di Muzium Sultan Abu Bakar di Pekan yang banyak dipengaruhi oleh *Hikayat Pahang*.

Sumber untuk penulisan sejarah negeri Pahang

Selepas 1957 terdapat kekosongan dalam naratif sejarah walaupun untuk disiplin tertentu seperti sains politik, ekonomi dan pembangunan terdapat banyak kajian yang telah diterbitkan termasuk oleh pengkaji dari luar negara. Kembali kepada ahli sejarah Malaysia, kebanyakannya mereka telah bersara dari universiti. Ramai juga yang bersara dari menulis sejarah. Sebilangan kecil masih lagi berkhidmat sebagai pensyarah kontrak sementara yang lainnya telah meninggal dunia. Dalam kalangan generasi baru ahli sejarah tidak terdapat banyak minat untuk melihat semula sejarah negeri khususnya untuk pasca 1957 yang amat ketara kekurangannya walaupun sumber arkib di Malaysia mencukupi untuk melakukan kajian atau jika mempunyai kemahiran bahasa asing yang tinggi boleh merujuk kepada sumber-sumber China, Belanda, Portugis untuk tempoh sebelum kurun ke-17. Untuk sejarah Pahang sumber dokumen boleh dirujuk di Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur serta cawangannya di Kuantan, Kuala Terengganu dan Johor Bahru sementara Muzium Sultan Abu Bakar di Pekan turut menyimpan pelbagai sumber yang boleh digunakan termasuk teks asal *Hikayat Pahang* dan manuskrip-manuskrip tentang perubatan yang digunakan di Kuantan-Pekan pada kurun ke-19 dan 20¹⁶ yang pastinya bernilai dari segi sejarah sosial. Hal ini berkaitan dengan keengganan orang Melayu untuk mendapatkan rawatan di hospital kerajaan atau berjumpa doktor berbangsa Eropah kecuali ketika keadaan sudah terlewat. Dalam keadaan demikianpun ubat yang dibekal hospital kerajaan akan dicampur dengan pelbagai ramuan yang dibekalkan oleh bomoh.¹⁷

Sebelum ini Linehan telah berhujah tentang keperluan menggunakan sumber-sumber China, Belanda dan Portugis sementara kajian Barbara Andaya tentang Perak, Leonard Andaya tentang Johor, Nordin Hussin tentang Pulau Pinang dan Melaka pada kurun ke-18 hingga awal 19, dan tulisan Andaya suami isteri tentang sejarah Malaysia menunjukkan peri pentingnya sumber Belanda untuk sejarah Malaysia sebelum kurun ke-18 termasuk negeri

¹⁵ Suzana Haji Othman, *Mencari Sejarah*, ms. 81-82.

¹⁶ Aripin Said. Manuskrip Melayu lama di Muzium Sultan Abu Bakar. *Pahang Dalam Sejarah*, bil. 2: 1987. ms. 40-44.

¹⁷ *Annual Report for the State of Pahang for the year 1896*, ms. 11-12; Mustapha Dato' Mahmud, *Tinggal Kenangan: The Memoirs of Dato Sir Mahmud bin Mat*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1997. ms. 8-11.

Pahang. Namun kegunaan sumber-sumber Belanda hanya bermakna bagi seseorang pengkaji yang mempunyai kemahiran bahasa Belanda yang tinggi. Ini bermakna majoriti pengkaji dari Malaysia akan lebih banyak merujuk kepada sumber dalam bahasa Inggeris atau Melayu yang boleh diakses di arkib tempatan.

Untuk kurun ke-19 dan 20 terdapat lebih banyak sumber termasuk CO437 *Sessional Papers Annual Report on the Society and Economic Progress of the People of Pahang* (Laporan Tahunan Negeri Pahang), dokumen daripada Majlis Agama Islam Pahang (TBP), koleksi surat dan fail Pejabat Istana Pahang serta dokumen yang berasal dari pelbagai jabatan kerajaan negeri selain ibu pejabat FELDA. Bermula pada 1888 Laporan Tahunan Negeri Pahang memberikan maklumat berguna tentang perkembangan pentadbiran, pendapatan serta perbelanjaan negeri, penduduk, sumber semula jadi, perlombongan dan perhubungan. Menjelang 1896 beberapa aspek lain turut dimasukkan dalam laporan tahunan seperti perdagangan, jenayah, kesihatan, penjara, kerjaraya, suhu dan hujan serta pos dan telegraf. Penambahan besar kepada laporan ini dibuat sekali lagi selepas 1932. Laporan seperti ini pastinya amat berguna untuk mengkaji perkembangan pertanian, pengangkutan, kesihatan dan perbandaran di zaman kolonial. Ianya turut memuatkan pandangan pentadbir kolonial terhadap orang Melayu sementara laporan tahunan 1892 dan 1894 mengandungi laporan yang panjang berhubung kebangkitan Bahaman yang ditulis oleh Hugh Clifford. Laporan ini kemudiannya dirujuk oleh Linehan dan Jang Aisjah Mutualib.

Pada 2011 Arkib Negara Malaysia cawangan Pahang telah dibuka di Kuantan.¹⁸ Dengan ini semua dokumen berkaitan Pahang yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia cawangan Timur di Kuala Terengganu telah dipindahkan ke Kuantan iaitu sebanyak 122,518 fail. Namun Arkib Negara Kuala Lumpur masih menyimpan banyak lagi dokumen tentang Pahang termasuk fail daerah seperti Temerloh, Bentong dan Kuantan.¹⁹ Berhubung rekod yang terdapat di Kuantan, mereka dikategori mengikut jabatan persekutuan, jabatan negeri dan badan-badan berkanun persekutuan dan negeri. Terdapat 35 jabatan persekutuan di Pahang seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Orang Asli, Jabatan Pelajaran, Suruhanjaya Pilihanraya, Jabatan Kehakiman dan sebagainya. Untuk Jabatan Orang Asli contohnya terdapat 113 fail untuk tempoh 1951-97 selain 63 fail daripada Jabatan Orang Asli Tanah Rata. Fail-fail ini merujuk kepada hal ehwal kebajikan Orang Asli, permohonan lesen dan permit dan kad beras, bonus untuk Tok Batin di Temerloh, Mentakab dan Raub, perubatan dan kesihatan Orang Asli, pendidikan dan belanjawan sekolah Orang Asli, kelengkapan serta kenderaan pejabat.

Tidak kurang pentingnya ialah dokumen yang berasal daripada jabatan negeri yang berjumlah 12 ke semuanya termasuk Pejabat Tanah dan Daerah, Pejabat Sultan Negeri Pahang, Jabatan Perhutanan, Jabatan Pertanian dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Untuk Pejabat Tanah terdapat fail dari Bentong (1945-82), Jerantut (1959-65; 1967-71), Lipis (1931-38), Kuantan (1967-79), Maran (1980-96), Pekan (1924-1981), Rompin

¹⁸ Samsiah Muhammad, Dr Hajah, *Panduan Sumber Bahan-bahan Sejarah Negeri Pahang*. Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia: 2011.

¹⁹ Wan Zainon Wan Awang, *Panduan Sumber-sumber Bahan Mengenai Negeri Pahang*. Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia: 1996.

(1951-1985) dan Cameron Highlands (1925-67). Daerah Pekan mempunyai fail yang banyak iaitu 29,078. Fail-fail Pejabat Tanah Cameron Highlands contohnya merujuk kepada pelbagai permohonan tanah untuk membina rumah, hotel, kedai dan pertanian termasuk menanam sayur-sayuran, mesyaurat *Cameron Highlands Sanitary Board*, *trout fishing*, bekalan elektrik dan kawasan tадahan air sementara untuk Bentong pula merujuk kepada surat menyurat berkaitan sambutan ulang tahun kemerdekaan, pilihanraya parlimen dan dewan undangan negeri, penyusunan semula kampung baru, penempatan Orang Asli, laporan penghulu, *New Planting Scheme 1959* dan Undang-undang Tadbir Agama Islam Pahang.

Untuk Jabatan Perhutanan terdapat 328 fail bagi tempoh 1920 hingga 1985 yang merujuk kepada daerah Bentong (1932-67 dengan 299 fail), Jerantut (1978-85 dengan 139 fail) dan Temerloh (1934-75 dengan 68 fail). Begitu juga dengan Jabatan Pertanian yang mempunyai 660 fail untuk tempoh 1955-88 selain fail-fail yang merujuk kepada Pejabat Pertanian Kuantan (1945-89 dengan 1,588 fail), Bentong dengan 110 fail untuk tempoh 1949-72 dan Kuala Lipis dengan 498 fail untuk tempoh 1945-72.

Pejabat Sultan Pahang pula mengandungi 8,503 fail untuk tempoh 1930 hingga 1949 sementara Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang menyimpan 16,750 fail untuk sebelum dan selepas 1945 (1888-96; 1900-1908; 1929; 1931-39 dan 1945-1980). Fail-fail ini merujuk kepada pentadbiran dan ekonomi, sosial dan budaya, hal-hal yang berkaitan dengan sultan, pembangunan, pendidikan, sukan dan Dewan Undangan Negeri. Berkaitan juga ialah sejumlah 448 fail yang berasal daripada Pejabat Menteri Besar Pahang dari 1953 hingga 1980 dan 75 fail daripada Pejabat Timbalan Menteri Besar dari 1961-78.

Ruang yang perlu diisi dalam sejarah negeri

Dengan mengambilkira kajian-kajian lalu serta jenis sumber yang boleh diperolehi, penulisan sejarah negeri Pahang bukanlah sesuatu yang mempunyai halangan besar terutamanya untuk selepas merdeka. Ruang yang masih kosong untuk sebelum merdeka termasuk perkembangan sosioekonomi selepas 1888 hingga 1941 (dan mitos pribumi malas yang diwar-warkan oleh Clifford dan Laporan Tahunan Pahang), zaman pendudukan Jepun diikuti dengan darurat, dan pilihanraya majlis tempatan sehingga 1957. Selain itu beberapa aspek sejarah zaman yang lebih awal perlu juga dilihat semula seperti peranan Orang Asli dalam hubungan dagang Pahang dengan dunia luar berdasarkan sumber arkeologi di Lembah Tembeling, kedatangan Islam ke Pahang serta bentuk masyarakat Pahang selepas kedatangan agama baru ini dengan melihat kepada Hukum Kanun Pahang, pandangan alternatif tentang Perang Saudara dan peranan Hugh Clifford dalam sejarah Pahang khususnya berkaitan adat istiadat Pahang yang tidak harus dicampuri oleh pegawai kolonial. Untuk tempoh pasca merdeka pula lebih banyak lagi ruang yang perlu diisi kerana usaha ke arah ini masih belum diterokai secara serius. Antara aspek yang menarik termasuk sambutan kemerdekaan di peringkat negeri dan daerah, pentadbiran daerah dan masalahnya, perubahan sosioekonomi, FELDA, penghijrahan dan perubahan pola kependudukan, lembaga perancangan wilayah seperti DARA dan Lembaga Kemajuan Jengka, alam sekitar dan kedudukan Orang Asli dalam pembangunan negeri. Namun perbincangan berikut akan berfokus kepada empat aspek yang berkaitan sejarah Pahang sebelum 1941 iaitu Orang Asli, Hukum Kanun Pahang dan

masyarakat Pahang sebelum kurun ke-19, pertanian padi antara 1888-1941 serta banjir dan pertanian.

Orang Asli sebelum 1941

Ketika kemasukan British ke Pahang penduduk negeri ini dianggarkan seramai 35,000 orang dengan 30,000 Melayu, 1,500 Cina dan bakinya Orang Asli. Pada 1890 banci pertama Pahang menunjukkan penduduknya berjumlah 57,400 orang dengan 50,000 daripadanya Melayu, 3,241 Cina, 2,032 Orang Asli dan selebihnya daripada pelbagai kelompok seperti Eropah, India, Serani, Arab, Bugis, Sinhala, Jepun, Afrika dan Dayak.²⁰ Namun angka ini kemudiannya didapati tidak tepat kerana sekitar 2,000 orang Melayu dan 3,000 Orang Asli tidak terangkum dalam banci pertama.²¹ Bilangan Orang Asli tidak begitu jelas dalam tempoh berikutnya dan mereka tidak banyak disebut dalam laporan tahunan Pahang, malah diasingkan dan mendapat perhatian berasingan melalui Jabatan Orang Asli. Menjelang 1939 bilangan mereka dianggarkan sama dengan bilang orang India iaitu sekitar 16,000 orang. Banci 1947 pula memberikan angka 34,737 bagi Orang Asli untuk semenanjung Tanah Melayu dengan separuh daripadanya di Pahang. Pahang terus mempunyai kelompok Orang Asli terbesar pada 1965 iaitu 15,870 yang meningkat kepada 19,500 empat tahun kemudian.²²

Sejak awal kurun ke-20 Orang Asli semenanjung telah dibahagi kepada 3 kelompok utama berdasarkan ciri-ciri etnolinguistik iaitu Negrito (Semang), Senoi dan Melayu Asli. Kelompok Senoi mendiami selatan Thailand hingga pedalaman utara Tanah Melayu dengan hidup cara nomad-berburu-mengutip hasil hutan atau petani sambilan separa nomad. Di sebelah selatan dan barat daya kawasan Negrito terdapat kelompok Senoi dan subkumpulan seperti Temiar, Semai, Jah Hut, Semelai dan Mah Meri. Kumpulan ketiga ialah Jakun yang terdapat di Pahang dan Johor selain orang Temuan di Selangor, Pahang barat, Negeri Sembilan dan Melaka. Kelompok ini bertutur dalam bahasa-bahasa yang terangkum dalam kelompok Melayu-Polynesia dan mempunyai hubungan rapat dengan bahasa Melayu yang dituturkan di kawasan selatan dan barat semenanjung.²³ Pahang mempunyai kelompok Orang Asli paling pelbagai di semenanjung seperti Senoi, Bateq, Semai, Che Wong, Jah Hut, Semoq Beri, Temuan, Jakun dan Semelai.

Namun pensejarahan Pahang tidak banyak memberi ruang kepada Orang Asli walaupun Linehan ada menyentuh tentang mereka untuk zaman sebelum Pahang ditakluki Melaka. Ketika melawat Pahang pada 1839 Abdullah Munsyi merakamkan bilangan yang besar Orang Asli di Hulu Pahang yang memainkan peranan dari segi ekonomi termasuk sebagai pengeluar hasil hutan seperti gaharu, kemenyan, damar dan rotan untuk diperdagang ke luar Pahang. Mereka turut mencebak emas bersama orang Melayu selain berkebun dan

²⁰ *Annual Report on the State of Pahang for the year 1891*, ms. 10.

²¹ *Annual Report of the State of Pahang for the year 1896*, ms. 14.

²² Nik Haslinda Nik Hussain. Writing on Orang Asli into Malaysian History. Dalam Cheah Boon Kheng (peny.) *New Perspectives and Research on Malaysian History*. Kuala Lumpur, MBRAS: 2007. ms. 215.

²³ F. L. Dunn, *Rain-Forest Collectors and Traders: A Study of Resource Utilisation in Modern and Ancient Malaya*, Kuala Lumpur, MBRAS: 1975. ms. 12-13

mengutip buah-buahan hutan untuk ditukar dengan garam dan tembakau.²⁴ Mereka ini diuruskan oleh pembesar seperti Orang Kaya Maharaja Perba Jelai.²⁵ Namun keadaan mereka tidak semestinya baik. Sejak zaman kesultanan Melaka Orang Asli seperti Semang telah diburu, ditangkap dan diperdagang sebagai hamba. Pada kurun ke-19 sudah berlaku penilaian semula sempadan etnik antara orang Melayu dengan Orang Asli apabila hutan ditransformasi kepada ladang bagi menghasilkan komoditi pertanian untuk dieksport.²⁶ Kini Orang Asli tidak lagi relevan sebagai pembekal hasil hutan sementara orang Melayu mula mengalami perubahan sikap terhadap Orang Asli antaranya disebabkan oleh pengaruh agama Islam. Laporan tahunan Pahang yang awal banyak menyebut tentang hubungan buruk Orang Asli dengan orang Melayu selain tulisan bekas residen Pahang Hugh Clifford turut menggambarkan perkara yang sama.²⁷ Orang Asli mendapat perhatian lebih serius semasa darurat (1948-1960) dengan kerajaan kolonial dan Tanah Melayu serta Parti Komunis Malaya berusaha mendapatkan sokongan mereka. Namun selepas itu tidak banyak perhatian diberi kepada mereka dalam naratif kebangsaan mahupun negeri.

Dilihat kepada hubungan Pahang dengan dunia luar ribuan tahun yang lalu, peranan Orang Asli dalam membawa keluar hasil hutan untuk diniagakan di pasaran antarabangsa amat penting. Ahli arkeologi seperti Frederick Dunn yang telah menjalankan kajian arkeologi di Gua Kecil, Raub pada 1964, 1966 dan 1970 contohnya melihat empat fasa dalam evolusi mengutip hasil hutan dan peranan perdagangan yang dimainkan oleh Orang Asli iaitu antara kurun ke-5 hingga 14, kurun ke-15, antara kurun ke-16 hingga kurun 18 dan kurun ke-19. Dalam fasa pertama Orang Asli berperanan sebagai pemungut hasil hutan yang kemudiannya dijual kepada orang Melayu pantai untuk pasaran antarabangsa. Dalam fasa kedua mereka masih berperanan sebagai pemungut hasil hutan yang dijual kepada peniaga Melayu termasuk yang berpangkalan di Melaka. Dalam fasa ketiga Orang Asli termasuk mereka yang tinggal di pedalaman masih merupakan pemungut utama sementara orang Melayu berperanan sebagai peniaga utama dan peniaga kecil. Di fasa empat Orang Asli tidak lagi menjadi kelompok pemungut ekslusif kerana orang Melayu dan Cina sudah mula terlibat dalam kegiatan ini. Orang Cina juga sudah menjadi peniaga utama sementara orang Melayu menjadi peniaga kecil. Jika sebelumnya pedagangan menggunakan barter tetapi pada kurun ke-19 mereka menggunakan wang dan kredit atau wang sahaja.²⁸

Pada 1890 bilangan mereka dilaporkan berjumlah 5,000 orang khususnya di Hulu Pahang dengan kehidupan yang daif dan tertindas. Hal ini berkait dengan hubungan mereka dengan orang Melayu sejak sebelum penjajahan lagi yang banyak dicirikan unsur-unsur penindasan. Pentadbir kolonial mengakui pegawai daerah tidak mampu memberi perhatian

²⁴ Abdullah bin Abdul-Kadir Munsyi, *Kesah Pelayaran Abdullah*. Singapura, Malaysia Publications Limited: 1965 cetakan kedua. ms. 20-21.

²⁵ Juli Edo. Singkapan sejarah hubungan orang Semai dengan Kerajaan Melayu Lama Pahang. Dalam Norazit Selat (peny.), *Pahang Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Malaysia & Yayasan Pahang: 1996. ms. 197-208.

²⁶ Andaya, *A History of Malaysia*, bab 1.

²⁷ Hugh Clifford, *In Court and Kampong: Being Tales and Sketches of Native life in the Malay Peninsula*. London, The Richards Press Limited: 1927. Edisi kedua.

²⁸ F. L. Dunn, *Rain-Forest Collectors and Traders*, ms. 104-119.

kepada mereka kerana pelbagai tugas lain yang perlu mereka uruskan.²⁹ Sementara itu Orang Asli yang lebih liar yang dikenali sebagai Orang Pangan terdapat di sempadan Pahang-Kelantan dan mereka menggunakan panah (dan bukan sumpitan) untuk berburu. Di bawah pentadbiran kolonial usaha membawa Orang Asli kepada pembangunan gagal dilakukan secara tersusun. Satu cara ialah menyerap mereka ke dalam pasukan polis tetapi mereka kemudiannya menghilangkan diri apabila berpeluang berbuat demikian.³⁰ Pada 1930-an pembangunan pesat di Cameron Highlands untuk petempatan dan pertanian turut memberi kesan kepada kedudukan Orang Asli kelompok Temiar dan hasil desakan beberapa pihak khususnya Pat Noone, pakar etnografi Muzium Taiping (dan kemudiannya Pengarah) satu kawasan khas telah digazetkan oleh pegawai daerah sebagai rizab Orang Asli yang ditadbir oleh seorang ketua Orang Asli. Kawasan ini terletak di sebelah utara sungai Telom antara dua tributarinya iaitu Sungai Wi dan Mesong hingga ke sempadan Kelantan. Hal ini menarik kerana di Arkib Pahang Cameron Highland merupakan daerah yang paling banyak mempunyai rekod tentang Orang Asli.

Hukum Kanun Pahang dan masyarakat sebelum kurun ke-19

Pengkaji awal seperti W. Linehan mungkin menyedari tentang Hukum Kanun Pahang tetapi tidak pula merujuk kepadanya walaupun teks undang-undang ini memberi maklumat berguna tentang masyarakat Pahang pada hujung kurun ke-16 dan awal kurun ke-17. Dari segi penghakiman, Hukum Kanun Pahang telah dijadikan rujukan para pembesar Pahang lebih kurang 250 tahun sebelum undang-undang Barat mengambil-alih tempatnya selepas 1888. Walaupun terdapat pelbagai kajian oleh pakar kesasteran ataupun bahasa Hukum Kanun Pahang tidak mendapat perhatian pengkaji dalam bidang sejarah.

Terdapat beberapa versi Hukum Kanun Pahang. Satu versi pernah diterbitkan pada 1948 oleh John E. Kempe dan Richard Winstedt yang berdasarkan kepada dua naskah (naskah A dan naskah B) Hukum Kanun Pahang. Menurut Abu Hassan Sham, naskah A merupakan naskah Maxwell Ms. No. 17 yang disimpan di perpustakaan Royal Asiatic Society di London.³¹ Naskah ini telah disalin untuk Maxwell pada 1296H/1879 ketika beliau menjadi penolong residen di Larut. Salinan ini dibuat berdasarkan teks asal kepunyaan Sultan Idris Raja Iskandar (ketika itu Raja Bendahara) dengan disertakan tarikh 1819 dan disalin oleh Naina Ahmad Lebai bin Nakhoda Muhammad yang berasal dari Melaka. Naskah B, yang juga disimpan di perpustakaan Royal Asiatic Society, disalin pada 1300H/1884 untuk Mr Leech iaitu kerani residen Perak. Penyalinnya ialah Luakan bin Muhammad Rashid berdasarkan naskah asal kepunyaan Dato Sri Adika Raja bertarikh 1248H/1832. Satu lagi versi Hukum Kanun Pahang ialah naskah C yang dikumpul oleh Frank Swettenham dan disimpan di Muzium Perak di Taiping. Teks ini kemudiannya dikaji oleh R. W. Jakemen dan diterbitkan dalam JMBRAS pada 1951. Teks ini asalnya kepunyaan Hugh Clifford yang kemudiannya menyerahkannya kepada Swettenham; kemungkinan teks ini disalin ketika

²⁹ Annual Report on the State of Pahang for the year 1890, ms. 12.

³⁰ Annual Report of the British Resident of Pahang for the year 1900, ms. 11.

³¹ Abu Hassan Mohd. Sham. Peraturan dan Hukum Kanun di Pahang dari zaman Melaka hingga zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghaffur Muhaiyuddin Shah (1590-1614). Dalam Zainuddin Haji Jumaat et. al. (peny), *Pahang Meniti Zaman*, Kuantan, Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Pahang: 2001. ms. 16-42.

Clifford berada di Pahang berdasarkan salinan asal yang dippunyai oleh seorang pembesar Pahang.

Versi terbaru Hukum Kanun Pahang disimpan di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan. Manuskrip ini telah dibeli daripada seorang penjual barang antik dari Kelantan bernama Haji Mohd Noor bin Yusof. Asalnya manuskrip ini dibawa ke Pattani oleh bala Sultan Abdul Ghafur Muhaiyuddin selepas kemangkatan baginda pada 1614. Dalam manuskrip ini ada disebut nama-nama tempat seperti Tanah Merah, Seletar, Singapura, Pengerang, Teluk Ramunia, Kuala Muar, Banang, Sedili Besar dan Dungun. Menurut Yaakub Isa yang telah mentransliterasi versi ini, perjalanan manuskrip ini bermula di Melaka, kemudian ke Bentan bersama-sama pengunduran sultan Melaka terakhir dan sempat pula mengalami penambahbaikan serta penyesuaian di Johor sebelum diperkenalkan di Pahang di bawah pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhaiyuddin Shah.³² Tidak ada nama penyalin tetapi terdapat dakwaan penyalinnya berasal dari Pulau Paya yang terletak di Kuala Krau dalam daerah Temerloh. Hasil transliterasi yang dilakukan oleh Yaakub Isa, versi terbaru Hukum Kanun Pahang versi Muzium Negeri Pahang telah diterbitkan pada 2003.

Hukum Kanun Pahang (versi Muzium Negeri Pahang) disusun mengikut perkara berikut: (1) adat istiadat seperti larangan kekuningan, penentuan bahasa, tugas pembesar, penentuan upacara seperti ketika kemangkatan dan sebagainya, (2) penyelesaian berhubung masalah sosial seperti mengamuk, hamba abdi, pertelingkahan, pertanian dan perhumaan dan menjagaan haiwan ternakan, angkara, berhutang dan bergadai, menangani orang mabuk, peranan saksi dan sumpah, kaedah menuntut ilmu agama, (3) prosedur dan peraturan yang diamalkan dalam kes-kes maritim, (4) hal-hal yang berkaitan dengan munakahat (zina, bermukah, liwat, melarikan isteri orang, hubungan antara tuan dengan hamba termasuk hubungan seks dan anak yang dilahirkan daripada hubungan ini), dan (5) hal-hal umum seperti menguruskan hubungan dengan Siam, penentuan urusan muamalat, kaedah menemani nakhoda apabila naik ke darat di wilayah asing. Yaakub mengakui terdapat beberapa kelemahan termasuk cara salinan dibuat (seperti tuan dieja tuhan) selain bahagian-bahagian yang tercicir seperti Fasal V dan tiga bahagian dalam Fasal II. Walaupun terdapat lebih banyak pengaruh Islam dalam Hukum Kanun Pahang berbanding Undang-Undang Melaka, adat masih penting dalam perjalanan undang-undang ini.

Berasaskan teks undang-undang ini masyarakat Pahang yang bersifat feudal itu dibahagi kepada tiga golongan iaitu pemerintah dan golongan istana, bilangan yang lebih besar rakyat jelata yang terdiri daripada petani dan peniaga dan ketiga, golongan hamba. Peruntukan-peruntukan Hukum Kanun Pahang memberi kesan kepada rakyat jelata. Warna kuning dikhaskan untuk raja; orang besar hanya boleh memakainya dengan anugerah raja, jika tiada dibunuuh hukumnya. Rakyat juga dilarang menggunakan secara terbuka perkataan titah, murka, kurnia dan anugerah; jika engkar bunuh hukumannya. Harta benda kelompok atasan juga mendapat perlindungan undang-undang; seorang yang membunuuh lembu/kerbau kepunyaan raja dihukum denda tujuh ekor; untuk anak raja diganti 7 ekor, Bendahara dan

³² Yaakub Isa, *Hukum Kanun Pahang: Manuskrip Agung Negeri Pahang*. Pekan, Lembaga Muzium Negeri Pahang: 2003. ms. xi-xiii.

menteri diganti 5 ekor, tiga ekor untuk sida dan bentara dan 2 ekor untuk lembu/kerbau kepunyaan rakyat biasa.³³

Hukum Kanun Pahang tidak menggalakkan perubahan dalam susunan masyarakat dengan memberi perhatian serius kepada kegiatan menentang raja. Hukuman yang dikenakan kepada pemberontak amat berat sekali: hukumnya disamakan dengan tiga ratus enam puluh bagai seksa sebilah urat. Maka hartanya dirampas, anak isterinya jadi hamba orang. Maka orang itu akan diberi azab selama-lamanya dengan seratus empat puluh delapan azab bilah tulang manusia. Jika dia sudah mati, dibelah empat; maka buangkan kepada empat daksina. Bahkah mereka yang bersubahat juga tidak terlepas daripada hukuman berat. Adapun barang siapa mendengar khabarnya, maka tiada dipersembahkannya, hukumannya dikerat lidahnya dan dipasak kedua telinganya dan dicungkil kedua matanya; dibuangkan pada tempat yang khali. Maka hendaklah kamu sekalian, jikalau mendengar sesuatu khabar yang memberi mudarat kepada raja kamu, segera kamu persembahkan kepada sekalian orang besar yang karib kepada raja. Jikalau khabar itu tidak bertentu sekalipun tidak akan mudarat kepada diri kamu.”

Seperti Melaka, golongan hamba merupakan satu kelas yang penting. Terdapat pelbagai jenis hamba termasuk hamba berhutang, hamba sahaya yang lazimnya dikaitkan dengan Orang Asli dan hamba raja yang merupakan satu golongan yang penting. Pada kurun ke-19 hamba raja bermaharajalela menganiayai rakyat jelata terutamanya di sekitar Pekan seperti yang dirakam oleh Abdullah Munsyi. Rakyat hanya mengikut sahaja gelagat mereka tanpa dapat mengadu kepada mana-mana pihak. Setengah kurun kemudian keadaan tidak banyak berubah dengan *Hikayat Pahang* menggambarkan mereka akan berbuat apa sahaja termasuk membunuhan untuk raja atau individu yang rapat dengan raja sementara golongan agama tidak berani atau mempunyai kekuatan menegur raja, pembesar ataupun hamba raja. Walaupun undang-undang tradisional penting untuk kesetabilan sosial dalam masyarakat Melayu sebelum zaman penjajahan³⁴ namun masih terdapat kritikan terhadap undang-undang tradisional seperti Hukum Kanun Pahang kerana perlaksanaannya dibatasi oleh kuasa anak-anak raja serta pembesar daerah sehingga konsep keadilan terus terpinggir.³⁵ Dalam laporan tahunan Pahang 1888 hal ini disebut sebagai *cruel mismanagement* dengan kesannya ditanggung rakyat jelata.³⁶

Hal ini sangat menarik kerana Hukum Kanun Pahang memberi perhatian besar kepada golongan hamba raja dengan menyebut enam syarat utama yang perlu ada pada seseorang hamba raja yang karib.³⁷ Namun terdapat lima sahaja yang disenarai iaitu: petama, hendaklah ia sentiasa jangan karar dan matanya dan telinganya pada menyidik-nyidik apa-apa yang memberi kecelakaan kepada tuannya dan yang menyakit akan rakyat dan rajanya;

³³ Yaakub Isa, *Hukum Kanun Pahang*, ms. 127.

³⁴ Abu Talib Ahmad. Re-reading Adat Laws and Legal Texts as Sources of Malay Social Stability. Dalam Cheah Boon Kheng (peny.), *New Perspectives and Research on Malaysian History*. Kuala Lumpur, MBRAS: 2007.

³⁵ Abdul Talib bin Haji Ahmad, *Sejarah Dato Bahaman Orang Kaya Semantan*. Penggal yang ke-2. Kuala Lumpur, Pustaka Garuda: 1965. ms. 102.

³⁶ *Annual Report for the State of Pahang for the year 1888*, ms. 6.

³⁷ Yaakub Isa, *Hukum Kanun Pahang*, ms. 120-121.

hendaklah segera dipersembahkan kepada raja. Kedua, hendaklah jangan ia dengki akan saudaranya Islam, kerana yang dengki itu pekertinya amat keji dan penyakit yang amat besar. Kepada Allah pun tiada berkenan, kepada rajapun aib; akibatnya kerugian dan pada dirinya pun jadi kesakitan. Ketiga, hendaklah ia berani dia datang sembah pada kiranya dimurkai raja sekalipun, kerana adat hamba itu sedia menanggung kutuk dan murka dan tuannya pekerjaan itu bukan memberi kecelakaan baginya melainkan menambah kemuliaan dirinya juga. Keempat, jangan ghurur dia akan kurnia raja dan mengharap kebaktiannya kerana ghurur itu bukan pujian adanya. Dan jangan pula citanya jikalau barang sesuatu perbuatan itu tiada akan dihalus rajanya; jika sudah sekalipun perbuatannya itu. Malu mata akan daku kerana pekerjaannya demikian itu. Raja hendak melihat budinya dan menantikan pada ketikanya, dan kelima baik ia menaruh rahsia itu suatu amanat tuannya atas segala hambanya yang dipeliharakan.” Dalam fasal lain dijelaskan hukuman mereka yang “memalukan hamba raja lalu mati jika masuk alur. Jika abdi, perkerat lehernya dan juga setahu tuannya didenda sekati lima. Maka hendaklah kamu sekalian jangan melawan hamba raja jikalau bagaimana sekalipun salahnya, beritahu hakim atau pada penghulunya. Raja yang menghukum dia.”³⁸

Pertanian padi 1888-1941

Berhubung pembangunan ekonomi antara 1888-1941 beberapa aspek telah dikenalpasti termasuk perkembangan perlombongan (bijih timah dan emas) di daerah Lipis, Raub, Bentong, Kuantan dan Pekan; pertanian komersial seperti getah, kelapa dan sayur-sayuran di Cameron Highlands; pertanian padi; perikanan; pembangunan rangkaian komunikasi seperti jalanraya dan jalan keretapi; banjir di zaman kolonial termasuk yang berlaku pada 1896 dan 1926; dan kemelesetan ekonomi dan negeri Pahang. Namun perbincangan berikut hanya menyentuh pertanian padi yang memberi kesan besar kepada petani di kawasan luar bandar yang merupakan majoriti penduduk Pahang.

Pada 1880-an hasil utama pertanian negeri ialah padi, pinang, kelapa, tebu, pisang dan pelbagai buah-buahan. Di pasaran tempatan, keluaran tempatan seperti gula, kelapa dan pinang banyak dijual beli tetapi tidak beras. Pinang turut dieksport ke luar negeri sementara beras diimport dari luar. Hulu Tembeling mengeluarkan gambir yang telah ditanam sejak kurun ke-16 oleh penghijrah dari Minangkabau. Gambir ini berkualiti sederhana namun pengusahaannya masih mampu menjualnya di pasaran tempatan dengan keuntungan digunakan untuk membeli beras yang mahal harganya akibat masalah pengangkutan. Padi pula ditanam sekali setahun untuk keperluan keluarga dengan petani turut ke hutan mencari rotan atau getah taban bagi menambah pendapatan. Namun kegiatan ini memerlukan lesen dengan bayaran 25 sen seorang untuk tempoh tiga bulan. Pengeluaran padi dilakukan secara sara diri kerana beberapa sebab iaitu (1) kekurangan buruh pertanian yang hanya disumbang oleh ahli keluarga terdekat, (2) tidak menggunakan haiwan seperti kerbau untuk membajak, dan (3) sistem kerah yang memerlukan petani berkhidmat dengan pembesar untuk melaksanakan pelbagai tugas untuk tempoh yang panjang sehingga memberi kesan kepada kegiatan pertanian.

³⁸ Yaakub Isa, *Hukum Kanun Pahang*, ms. 127.

Purata keluasan sawah petani Melayu ialah antara 3 hingga 5 ekar. Pada 1913-14 di Pahang terdapat kawasan seluas 3,928 ekar yang ditanam dengan padi dengan hasil 376,119 gantang sementara purata hasil per ekar ialah 95 gantang yang meningkat kepada 100 gantang pada 1916.³⁹ Namun laporan tahunan Pahang tidak memberikan angka pengeluaran mengikut daerah seperti pada 1920-an yang menampakkan peningkatan seperti yang ditunjukkan oleh data berikut.

Jadual 1: Kawasan padi (padi bukit, padi paya dan padi tenggala)

	1921 ⁴⁰		1925 ⁴¹	
	<u>ekar</u>	<u>gantang</u>	<u>ekar</u>	<u>gantang</u>
Lipis	7,736	1,803,940	8,805	1,544,422
Raub	4,798	635,633	5,028	1,006,094
Bentong	1,216	108,386	1,264	138,060
Temerloh	8,835	1,704,097	11,766	2,210,169
Pekan	7,056	892,654	3,659	482,648
Kuantan	2,703	269,263	204	17,180
 Jumlah	 32,344	 5,413,982	 30,726	 5,398,647

Untuk 1925 keluasan tanah padi di dua daerah (Pekan dan Kuantan) menyusut tetapi pengeluaran padi masih mengalami peningkatan sementara banjir yang melanda pada November tahun ini memusnahkan antara 40-50% padi yang ditanam di daerah Temerloh. Pada 1922 kemarau ketika menabur benih dan banjir ketika menuai menyusutkan pengeluaran padi di Temerloh sementara di Pelangai dalam daerah Bentong, serangan tikus menyebabkan berlaku kekurangan padi sehingga penduduk kampung terpaksa makan keledek dan ubikayu sebagai makanan ruji.⁴² Walaupun hasil per ekar sudah meningkat kepada 200-300 gantang menjelang 1930-an angka ini masih rendah berbanding Kedah, Kelantan ataupun Perak.

Selain itu kegiatan menanam padi turut dipengaruhi oleh harga semasa komoditi utama. Ketika harga getah dan tanaman lain meningkat seperti pada 1933, semakin kurang sawah dikerjakan. Keluasan paling tinggi kawasan padi direkodkan pada 1932-33 iaitu ketika berlaku kemelesetan ekonomi. Pada tahun ini keluasan tanah padi meningkat 10,000 ekar dari tahun sebelumnya kepada 39,876 ekar dengan pengeluaran padi sekitar 7.8 juta gantang.⁴³ Pengeluaran tertinggi padi berlaku pada musim menuai 1934-35 dengan hasil 8,273,000 gantang yang disumbang oleh sawah seluas 32,810 ekar.⁴⁴ Keadaan ini jauh berbeza dengan Kedah ataupun Kelantan di mana pengeluaran padi menjanjikan lebihan yang

³⁹ *Pahang Administration Report for the year 1916*, ms. 2.

⁴⁰ *Pahang Administration Report for the year 1921*, ms. 3.

⁴¹ *Pahang Administration Report for the year 1925*, ms. 2.

⁴² *Pahang Administration Report for the year 1922*, ms. 3.

⁴³ *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1932*, ms. 18-19.

⁴⁴ *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1936*, ms. 21.

menguntungkan kepada petani. Masalah utama Pahang bukan kekurangan tanah tetapi kekurangan penduduk sementara pembinaan jalan keretapi dari Gemas ke Padang Tengku turut menggalakkan penghijrahan petani Melayu ke bahagian barat negeri. Bagi mukim Bera kesan penghijrahan ini amat ketara apabila 50% kawasan sawah ditinggalkan sementara di mukim Chenor kawasan padi meningkat dua kali ganda antara 1911-18. Di mukim Kertau pula peningkatannya ialah empat kali ganda dalam tempoh yang sama.⁴⁵

Terdapat tiga cara penanaman padi – padi sawah, padi tenggala dan padi bukit. Di Temerloh paya juga digunakan untuk menanam padi tetapi di kebanyakan sawah, parit dan talair digunakan. Semua ini dilakukan dengan menggunakan buruh dari Kelantan. Padi paya menjamin hasil terbaik tetapi memerlukan banyak kerja menjadikannya tidak popular. Padi bukit memberi pulangan paling sedikit tetapi tidak memerlukan penjagaan rapi. Mungkin juga pertanian ini diminati oleh petani tetapi ianya menyebabkan kehilangan balak yang bernilai sementara hasilnya tidak seberapa berbanding kemusnahan yang berlaku. Kerajaan mendapati sukar untuk mengharamkan pertanian jenis ini. Pada 1899 cadangan dibuat kepada kerajaan untuk menyediakan talair kecil bagi menarik lebih ramai penanam padi bukit bertukar kepada padi sawah. Pada 1900 penebangan hutan dara untuk padi bukit telah diharamkan namun kegiatan pertanian jenis ini masih boleh dilakukan di hutan belukar. Satu hal yang ketara ialah di sepanjang zaman kolonial pengeluaran padi tidak pernah mencukupi untuk keperluan tempatan sehingga beras perlu diimport dari negeri lain seperti 81,262 pikul pada 1910 dengan kos \$344,229.⁴⁶

Sebenarnya pegawai kolonial tidak yakin dengan kemampuan orang Melayu Pahang mengubah cara pertanian tradisional supaya pengeluaran padi dapat ditingkatkan bagi memenuhi keperluan penduduk yang dijangka meningkat. Hal ini boleh dilihat dalam laporan tahunan 1891: “Orang Melayu hanya mengeluarkan padi sekali dalam masa 12 bulan walaupun padi masak dalam tempoh enam bulan. Matlamat utama mereka ialah memastikan keperluan beras untuk keluarga mencukupi, dengan sedikit lebihan dijual bagi mendapatkan wang untuk membeli keperluan lain. Ketika beras tidak mencukupi dia akan ke hutan mencari rotan, getah taban dan lain-lain hasil hutan. Tidak pernah terfikir baginya untuk meningkatkan pengeluaran padi untuk dieksport ke luar negeri.”⁴⁷ Pegawai kolonial juga amat yakin Pahang tidak mampu mengeluarkan beras untuk memenuhi keperluan dalam negeri.

Hugh Clifford, yang pernah memegang pelbagai jawatan penting termasuk pegawai politik British di Pekan sebelum 1888, Penguasa Hulu Pahang dan residen, mendapati kehidupan pertanian orang Pahang itu terlalu dipengaruhi unsur tahayul selain mengenepikan prinsip-prinsip pertanian moden menyebabkan hasil tidak memuaskan. Peralatan yang digunakan amat primitif dan tidak efisyen seperti penggunaan tuai yang hanya boleh memotong 2-4 batang padi pada suatu masa menyebabkan proses menuai memakan masa yang panjang. Di beberapa tempat imigran dari Sumatra telahpun menggunakan sabit yang lebih efisyen tetapi

⁴⁵ Margaret Linley Koch. “Malay Society in Temerloh: Pahang under British Colonial rule, 1889-1941.” Ph. D. dissertation University of Columbia, 1992, ms. 173.

⁴⁶ *Pahang Administration Report for the year 1910*, ms. 4.

⁴⁷ *Annual Report on the State of Pahang for the year 1891*, ms. 6-7.

Clifford mendapati orang Melayu amat berhati-hati untuk menerima penggunaan peralatan baru atau cara bertani yang berbeza dengan cara yang digunakan oleh nenek moyang mereka.⁴⁸

Penanaman padi turut berhadapan dengan masalah haiwan perosak seperti babi hutan, tikus dan sejenis kelawar besar (kelasan) sementara langkah-langkah yang sesuai gagal diambil bagi melindungi tanaman. Pagar yang ada tidak memadai sementara petani lebih gemar menggunakan tangkal bagi menghalang kemasukan babi hutan selain menggunakan jampi serapah untuk menghalau tikus dan kelawar. Di kawasan pedalaman kemusnahan tanaman turut dilakukan oleh gajah liar yang agak besar bilangannya. Lembah Gali dalam daerah Raub merupakan kawasan terbaik pengeluaran padi di Pahang kerana di sini terdapat sistem pengairan yang primitif sementara benih padinya diimport dari Perak. Untuk kawasan lain kerajaan perlu membawa masuk benih baru dari luar untuk diagihkan kepada petani.⁴⁹ Namun penyelidikan dan ujian lanjut tentang kesesuaian benih-benih ini dengan keadaan tanah tanah mahupun cuaca tempatan perlu dilakukan. Pada 1896 dan 1897 benih padi baru telah dibawa masuk tetapi didapati tidak sesuai dengan tanah dan iklim tempatan.

Pada 1893 pentadbir kolonial berpendapat pembinaan sistem talair merupakan satu keperluan untuk meningkatkan pengeluaran padi tetapi perlaksanaannya terbantut kerana masalah kewangan. Menjelang 1895 kerajaan masih belum menyediakan sistem talair khususnya bagi kawasan padi tenggala yang berpotensi bertukar kepada sawah jika air dapat disalurkan. Menurut pentadbir kolonial untuk mengairi kawasan padi tenggala tidak memerlukan biaya yang besar sementara kewujudan sistem talair yang besar diragui memberi sebarang faedah kerana Pahang tidak mempunyai bilangan petani yang mencukupi untuk mengerjakan padi sawah.⁵⁰ Malah prioriti diberikan kepada pembinaan jalanraya bagi membangunkan sektor perlombongan di Hulu Pahang. Clifford mendapati petani Pahang enggan melakukan sebarang perubahan termasuk dalam kalangan mereka yang mampu berbuat demikian.⁵¹ Beliau melihat orang Melayu sukar menerima teknologi baru walaupun mereka sedar manfaatnya.⁵² Buat permulaan orang Kampar telah dibawa masuk pada hujung kurun ke-19 dan awal 20 dan mereka ditempatkan di Temerloh. Mereka turut memperkenalkan penggunaan sabit untuk memotong padi.

Seperti dalam bidang pendidikan, pentadbiran kolonial telah menggunakan undang-undang untuk mengubah sikap petani berhubung penanaman padi. Pada 1897 enakmen menanam padi telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri yang memberi kuasa kepada pegawai daerah, setelah berbincang dengan pembesar tempatan seperti penghulu, menetapkan tarikh menanam padi. Enakmen ini mendapat sokongan sultan dan para pembesar. Dengan cara begini penanaman padi dapat mengelakkan musim banjir yang kerap melanda dalam bulan November, Disember dan Januari. Kepada pentadbir kolonial enakmen ini diperlukan kerana petani tidak akan mula menanam padi bagi mengelakkan banjir yang lazimnya melanda

dalam bulan diseragamkan selama ini mengelakkan daripada peta Sebaliknya penduduk kam sedia ada di k

Selepas Per Sebaliknya ap di Dong dan dijalankan ol termasuk Pu dilaksanakan sebagai peng tetapi gagal m Sungai Paham penambahbai banjur Disem menggunakan dan Betong b berlaku selep

Pada menggalakka lain seperti (basah).⁵⁷ Di petani. Jabat seluruh nege pertandingan Lipis dan Te Temerloh un menganjurka telah mengad

Seme beroperasi meningkatka 4,050,000 ga

⁴⁸ Annual Report on the State of Pahang for the year 1891, ms. 7-8.

⁴⁹ Annual Report on the State of Pahang for the year 1891, ms. 2.

⁵⁰ Administration Report of the State of Pahang for the year 1895, m. 3.

⁵¹ Annual Report on the State of Pahang for the year 1893, ms. 3.

⁵² Pahang Administration Report for the year 1912, ms. 5.

⁵³ Annual Repo

⁵⁴ Pahang Adm

⁵⁵ Mustapha Da

⁵⁶ Pahang Adm

⁵⁷ Annual Repo

dalam bulan Disember selain faedah yang boleh diperolehi jika tarikh menanam diseragamkan untuk seluruh negeri.⁵³ Satu lagi isu ialah mengubah musim menanam yang selama ini dibuat mengikut taqwim Islam kepada kalender masih juga atas alasan mengelakkan musim banjir. Berhubung pembinaan taliair pula terdapat banyak permohonan daripada petani untuk mendapatkan bantuan kerajaan tetapi tidak pernah dipenuhi. Sebaliknya ada ketua kampung yang perlu menggunakan pelbagai cara bagi mendapatkan penduduk kampung mengeluarkan tenaga untuk membuat atau memperbaiki sistem taliair air sedia ada di kawasan mereka.

Selepas Perang Dunia Pertama masih belum terdapat sebarang sistem taliair di Pahang. Sebaliknya apa yang ada hanya membabitkan penambahbaikan sistem taliair sedia ada seperti di Dong dan Pulau Tawar, membina ban, pengadang air, *sluices* dan sebagainya yang dijalankan oleh Bahagian Hidraulik, Jabatan Kerjaraya.⁵⁴ Antara kawasan yang terlibat termasuk Pulau Jawa dan Melana dalam daerah Pekan. Sistem taliair terbesar telah dilaksanakan di Jerantut pada 1920 di Pulau Tawar bagi menjadikan kawasan Padang Kangsa sebagai pengeluar padi utama di daerah ini. Sistem taliair ini dibina dengan kos \$130,000 tetapi gagal memberi manfaat yang dijangkakan. Akibat lokasinya yang terlalu dekat dengan Sungai Pahang hanya sedikit sahaja air yang mengalir ke sawah sehingga memerlukan penambahbaikan. Selepas dilakukan penambahbaikan sistem taliair ini dimusnahkan oleh banjir Disember 1926.⁵⁵ Di Pahang timur pembinaan empangan dan taliair dilakukan dengan menggunakan buruh jabatan kerjaraya serta penduduk tempatan di Paya Dalam, Paya Sarak dan Betong berhampiran Lubok Paku⁵⁶ sementara di daerah Kuantan pembinaan taliair hanya berlaku selepas 1932.

Pada 1930-an beberapa cara telah dilakukan untuk mengubah sikap petani selain menggalakkan mereka menggunakan cara penanaman padi yang terbukti berjaya di tempat lain seperti menggunakan bajak, sabit untuk menuai dan tapak semaian dalam sawah (basah).⁵⁷ Di Temerloh penggunaan bajak serta tapak semaian dalam sawah semakin diterima petani. Jabatan Pertanian turut mengadakan demonstrasi di Sekolah Melayu Guai dan di seluruh negeri kecuali sebuah mukim yang tidak menunjukkan sebarang minat. Malah pertandingan membajak turut diadakan di beberapa pertunjukkan pertanian di Raub, Kuala Lipis dan Temerloh. Jabatan Pertanian turut membawa rombongan petani dari Lipis ke Temerloh untuk menyaksikan penggunaan bajak dan tapak semaian dalam sawah selain menganjurkan lawatan sambil belajar ke negeri lain. Pada 1938 sekumpulan petani dari Raub telah mengadakan lawatan seminggu ke Melaka, Selangor dan Negeri Sembilan.

Sementara itu pada 1937 sebuah kilang padi telah dibina di Temerloh tetapi hanya beroperasi 50% kapasiti akibat kekurangan padi. Namun kewujudannya berjaya meningkatkan pengeluaran padi di daerah ini dari 3,257,000 gantang antara 1935-37 kepada 4,050,000 gantang pada 1937-38 dengan 3,828 pikul dibeli oleh kilang padi dengan harga

⁵³ *Annual Report for the State of Pahang for the year 1898*, ms. 7.

⁵⁴ *Pahang Administration Report for the year 1919*, ms. 31.

⁵⁵ Mustapha Dato' Mahmud, *Tinggal Kenangan*, ms. 135-136.

⁵⁶ *Pahang Administration Report for the year 1925*, ms. 8.

⁵⁷ *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1937*, ms. 27.

belian antara \$2.00 hingga \$2.55 sepikul. Kilang ini hanya beroperasi selama 56 hari setahun dengan mengeluarkan 880 guni beras putih No. 1, 202 guni beras No. 2 dan 349 guni produk sampingan. Semua hasil kilang mendapat pasaran yang baik; beras No. 1 dijual dengan harga \$6.60-\$7.75 sekampit sementara beras No. 2 dengan harga \$5.80-\$6.05 sekampit. Kualiti beras pula baik dan diterimabaik oleh orang Melayu walaupun di daerah Temerloh orang Melayu mengeluarkan beras mereka sendiri sementara orang Cina mengutamakan beras Siam dan orang India pula beras jenis *par boil*. Masalah yang lebih besar ialah mendapatkan lebih banyak padi bagi mengurangkan kos operasi kilang. Namun penubuhan kilang ini berjaya mencapai matlamatnya iaitu menggalakkan penanaman padi di Temerloh, menstabilkan harga selain menjamin penanam bahawa terdapat pasaran untuk lebihan hasil padi yang mereka keluarkan.⁵⁸

Pada 1930-an sistem pengairan yang lebih sistematik mula dibangunkan. Pada 1932 Jabatan Parit dan Taliair telah ditubuhkan dengan mengambilalih Bahagian Hidraulik Jabatan Kerjaraya. Namun kawasan padi masih bersaiz kecil iaitu antara 10 hingga 400 ekar untuk sesebuah kawasan kecuali di Paya Besar dalam daerah Kuantan dan Pekan. Pada 1938 hampir separuh tanah sawah di Pahang telah dimasukkan ke dalam sistem pengairan yang berjumlah 47 semuanya dengan meliputi kawasan seluas 15,500 ekar. Terdapat dua sistem pengairan iaitu (a) sistem pengairan sepanjang tahun seperti yang terdapat di Kampung Baru dalam mukim Cheka daerah Lipis yang melibatkan sawah seluas 275 ekar, dan (b) sistem inundasi (banjir) seperti yang terdapat di Paya Bintang dalam mukim Sanggang dalam daerah Temerloh yang melibatkan kawasan sawah seluas 418 ekar dengan 270 ekar daripadanya telah ditanami dengan padi. Sistem banjir yang lebih kecil selain 18 skim taliair terdapat di beberapa tempat seperti Paya Sungai Puchok, Paya Lalang, Sungai Sum (semuanya di Temerloh), Kampung Bedu di Ulu Dong, Gali Kuning di Gali, Batu Kapor di Mentakab, Paya Baru di Chenor, Penyagu dan Pahang Tua (kedua-duanya di Pekan).

Terdapat dua skim taliair yang besar, satu di Paya Besar dalam daerah Kuantan dan satu lagi di Pahang Tua. Skim terbesar ialah skim Paya Besar yang melibatkan kawasan seluas 8,000 ekar sawah dan tanah yang berpotensi dijadikan sawah. Kerja awal telah dimulakan pada 1938 dengan 600 ekar ditanami padi dan 190 ekar tanah kampung untuk kediaman petani. Namun pentadbir kolonial berpendapat kawasan ini memerlukan penghijrah yang besar dari luar daerah Kuantan bagi memenuhi potensi ekonominya. Rancangan Pahang Tua merupakan usaha mengepam air dari Sungai Pahang Tua bagi mengairi 3,000 ekar sawah dan tanah yang berpotensi dijadikan sawah yang terletak di mukim Langgar dan Pahang Tua. Rancangan ini telah dimulakan pada Mei 1938 dengan perhatian diberi kepada pembinaan terusan utama, terusan sampingan dan longkang. Buruh yang terlibat terdiri daripada orang Melayu yang dibayar gaji hari. Menjelang 1957 Paya Besar merupakan kawasan utama pengeluaran padi di Pahang diikuti oleh Pahang Tua, Pulau Tawar dan Dong.

Akibat ketiadaan kesungguhan pihak pentadbir kolonial selain sikap petani sendiri, Pahang merupakan negeri paling mundur di semenanjung dari segi pertanian padi. Hasil padi yang direkodkan antara 200-300 gantang per ekar masih jauh lebih rendah berbanding negeri-

⁵⁸ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1938, ms. 28.

negeri pantai barat. Antara langkah-langkah bagi meningkatkan pengeluaran yang dikenalpasti oleh Jabatan Pertanian termasuk (1) menambahbaik tanah taneh (2) menambahbaik cara menanam padi, dan (3) mencari benih baru yang lebih sesuai dengan keadaan tempatan. Penambahbaikan tanah memerlukan penggunaan baja yang di luar kemampuan kebanyakan penanam sementara dari segi penanaman pula, Pahang masih menggunakan cara-cara lama yang telahpun berjaya digantikan di tempat lain termasuk penggunaan bajak, penggunaan sabit untuk menuai, memukul batang padi ke tempat khas untuk mendapatkan padi (*trashing into a bin*) dan penggunaan tapak semaian dalam sawah walaupun di kawasan pedalaman yang sukar di hubungi cara-cara lama masih lagi digunakan.⁵⁹ Namun terdapat juga petani yang menggunakan inovasi dan kearifan tempatan seperti petani paya di Temerloh untuk mengawal paras air, memilih benih yang sesuai selain mengadaptasi teknologi untuk dipersesuaikan dengan keadaan setempat.⁶⁰ Kejayaan ini amat berbeza dengan kegagalan usaha memperkenalkan teknik moden kerana masalah mendapan atau masalah hakisan tanah akibat banjir yang kerap melanda. Di Pesagi contohnya bentuk pertanian yang diamalkan dipersesuaikan dengan persekitaran yang meliputi 96 ekar tanah paya dengan menghasilkan purata 200 gantang seekar. Dengan menggunakan padi jenis panjang mereka tidak perlu melakukan modifikasi tanah atau mengawal air dengan tepat dan mampu meningkatkan pengeluaran dengan menggunakan padi yang sesuai untuk kawasan-kawasan tertentu. Mereka juga menanam pelbagai tanaman di setiap kawasan kebun. Dengan ini perubahan cuaca tidak memberi kesan besar kepada pengeluaran dengan kegiatan ekonomi lebih mudah dialih apabila perubahan hujan, air sungai dan sebagainya.

Banjir dan pertanian padi

Pembangunan pertanian turut mendapat kesan daripada banjir yang kerap melanda negeri Pahang. Banjir terawal yang dirakam oleh pentadbir kolonial berlaku pada Disember 1896 dan negeri ini turut mengalami banjir pada 1897, 1926-27, 1928, 1931 dan 1932. Banjir 1897 memberi kesan kepada pembinaan jalanraya antara Kuala Lipis-Kuala Kubu dengan memusnahkan beberapa buah jambatan. Banjir 1931 pula memusnahkan jalanraya dan jambatan selain padi yang belum dituai dan puluhan kampung di daerah Temerloh dan Pekan.⁶¹ Banjir 1896 merupakan banjir terbesar yang berlaku di Pahang sebelum ianya digantikan oleh banjir yang lebih besar pada 1926 dengan memusnahkan hasil tanaman padi sementara banjir kedua yang melanda pada Februari 1897 memberi pukulan maut kepada kegiatan pertanian yang sedang dipulihkan. Kerajaan menjangkakan petani akan mencari hasil hutan bagi menyara kehidupan mereka. Langkah ini dibimbangi kerajaan boleh menyebabkan petani meninggalkan terus kerja menanam padi. Pegawai daerah telah mengambil langkah bagi menggalakkan petani untuk terus menanam semula. Padi yang musnah telah digantikan dengan benih baru yang dibawa dari Perak dan Kedah. Namun bantuan ini tidak diberi secara percuma dengan pembayaran balik perlu dibuat selepas musim

⁵⁹ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1938, ms. 27-28.

⁶⁰ Donald Harley Lambert, *Swamp Rice Farming: The Indigenous Malay Agricultural System*. Boulder, Westview Press: 1985.

⁶¹ Pahang Annual Report for the year 1931, ms. 49.

menuai berikutnya.⁶² Pada Februari 1898 banjir sekali lagi melanda beberapa daerah termasuk Pekan tetapi kesannya tidak seburuk banjir 1897. Ini bermakna terdapat kawasan yang telah ditenggelami air sebanyak lima kali dalam masa 12 bulan.⁶³

Kesan yang lebih buruk berlaku semasa banjir 1926 yang telah mengorbankan 55 orang sementara kerugian harta benda dianggarkan jutaan ringgit. Semua daerah mengalami banjir yang jauh mengatasi banjir besar 1896 walaupun di daerah Bentong dan Raub kesannya tidak seburuk daerah Lipis, Temerloh atau Pekan. Begitu banyak rumah dan pokok yang musnah sementara haiwan ternakan ditinggalkan begitu sahaja. Perhubungan jalanraya dan keretapi terhenti; telefon dan telegraf pula tidak beroperasi malah banyak stesyen yang tidak dapat dihubungi untuk beberapa hari. Berlaku kemusnahan besar harta awam dan persendirian. Lebih dahsyat ialah masalah lumpur dan pasir yang tertinggal selepas banjir surut. Di Hulu Tembeling mendapan lumpur setebal 20 kaki telah direkodkan.⁶⁴

Banjir 1926 dikaitkan dengan hujan lebat yang melebih biasa yang melanda negeri Pahang khususnya kawasan sempadan utara Pahang dan daerah Kuantan pada pertengahan Disember. Kuantan contohnya mendapat 24.95 inci hujan dalam sehari dan untuk tempoh 26-29 Disember menerima 47 inci hujan.⁶⁵ Di Kuantan berlaku 15 tanah runtuh dalam jarak tiga batu setengah di hutan simpan Bukit Berkelah yang terletak di Ulu Lepar. Tanah, batu dan pasir yang memasuki Sungai Lepar menyebabkan pembentukan sebuah tasik yang menenggelamkan satu batu jalan Kuantan-Maran.⁶⁶ Di Kuala Lipis air Sungai Jelai meningkat kepada 65.5 kaki mele过asi paras biasa sementara Sungai Tembeling pula melebihi 100 kaki paras biasa iaitu 20 kaki melebihi paras air semasa banjir 1896.⁶⁷ Di beberapa tempat sepanjang Sungai Pahang banjir mencecah sehingga 100 kaki menyebabkan ratusan batu persegi kawasan ditenggelami air dengan berbagai tahap kedalaman. Di Pekan yang terletak enam batu dari laut, air banjir bertakung sehingga Februari 1927. Tanah runtuh turut berlaku di Tembeling dan Jelai menyebabkan begitu banyak pokok besar dihanyutkan air deras yang memusnahkan tebing selain menyebabkan ribuan tan lumpur memasuki sungai. Bagi setengah mukim yang teletak di tepi Sungai Tembeling, Sungai Jelai dan Sungai Pahang, tiada sebuah rumahpun yang masih berdiri selepas banjir surut; ribuan pokok kelapa dan pokok buah-buahan telah musnah; padi yang disimpan turut dihanyutkan air; pokok padi di sawah pula dikambus lumpur dan pasir; dan ribuan haiwan ternakan seperti kerbau, lembu dan kambing mati lemas atau mati kelaparan.

Bantuan pemulihan dihulurkan oleh pelbagai pihak. Kerajaan Negeri Selat telah menghulurkan bantuan dalam bentuk beras sementara kerajaan Selangor menghulurkan wang ringgit bagi memperbaiki masjid/surau yang telah musnah. Kerajaan Kedah pula membekalkan 130 ekor kerbau sementara penduduk Tanah Melayu turut menyumbang kepada tabung banjir yang telah ditubuhkan kerajaan. Dari tabung ini bantuan kewangan

⁶² Annual Report for the State of Pahang for the year 1896, ms. 9.

⁶³ Annual Report for the State of Pahang for the year 1896, ms. 14-15.

⁶⁴ Pahang Administration Report for the year 1927, ms. 2-3.

⁶⁵ Pahang Administration Report for the year 1927, ms. 2.

⁶⁶ Mustapha Dato' Mahmud, *Tinggal Kenangan*, ms. 145-146.

⁶⁷ Pahang Administration Report for the year 1926, ms. 14.

disalurkan kepada mangsa yang miskin, bantuan untuk membeli benih pokok dan kerbau. Petani bekerja keras untuk membina semula kehidupan mereka dengan menanam padi dan jagung dengan benih yang dibekal kerajaan. Namun banjir yang lebih kecil yang melanda berikutnya serta kemarau pada pertengahan 1927 turut memusnahkan usaha petani sementara serangan penyakit kaki dan mulut menyebabkan kematian banyak kerbau.⁶⁸ Di Pekan minat terhadap penanaman terus merosot dengan ramai petani dari daerah ini berhijrah ke Hulu Pahang.

Penanaman padi terus dihantui masalah kekurangan kerbau bajak dan bagi mengatasi masalah ini 800 ekor kerbau diimport dari Siam dengan pembiayaan tabung bantuan banjir. Kerbau ini kemudiannya diagihkan kepada petani di daerah Lipis, Temerloh dan Pekan.⁶⁹ Usaha turut dilakukan bagi mengawal pergerakan kerbau di dalam negeri melalui pindaan Enakmen Kerbau 1931 yang bertujuan memastikan Pahang tidak mengalami kekurangan haiwan untuk membajak.⁷⁰ Pada 1932 pusat pembiakan kerbau telah ditubuhkan di Batu Talam yang terletak di daerah Raub. Hanya pada lewat 1930-an Pahang dilaporkan mempunyai lebihan kerbau untuk pertanian. Malah pada 1937 kerbau yang berlebihan sudah mula memberi masalah. Oleh kerana tidak dimasukkan ke dalam kandang kerbau-kerbau ini biasanya berehat di atas jalanraya pada sebelah malam yang mengganggu pengguna jalanraya. Perkara ini agak serius kerana terdapat ura-ura untuk mewajibkan haiwan dikandang pada waktu malam.⁷¹ Akibat banjir benih padi baru telah diperkenalkan. Ekoran kemusnahaan padi dan benih padi di Stesyen Ujian Dong benih baru telah diimport dari Kerian dan lain-lain tempat. Selepas dilakukan ujian yang menyeluruh antara 2-3 jenis padi didapati sesuai untuk Pahang termasuk padi jenis "Radin 13" dan "Seraup Kecil 36" yang kemudiannya diedar ke mukim Dong, Kechau, Penjom, Tanjong Besar dan Budu. Pada 1930 benih baru ini telah mengerluarkan hasil yang sangat memuaskan.⁷²

Kesimpulan

Walaupun banyak tumpuan diberi kepada sejarah kebangsaan, sejarah negeri masih tetap penting selain berperanan melengkapkan naratif sejarah Malaysia. Namun dalam kes Pahang sejarah negeri yang sedia ada bukan sahaja tidak lengkap tetapi sudah ketinggalan zaman selain memerlukan penyemakan semula dengan mengambilkira penyelidikan-penyelidikan terbaru termasuk dalam bidang arkeologi. Semakan ini juga perlu mengisi kekosongan yang amat ketara untuk tempoh kurun ke-20 dan tempoh selepas 1957. Bagi kebanyakan sejarah negeri, Pahang tidak terkecuali, tempoh selepas merdeka merupakan satu kekosongan yang amat ketara berbanding dengan disiplin lain seperti sains politik mahupun ekonomi walaupun pelbagai aspek sejarah negeri pasca merdeka telah mendapat perhatian latihan ilmiah, disertasi malah tesis sarjana dan Ph. D. di beberapa universiti tempatan. Selepas 60 tahun merdeka sudah sampai masanya sejarah negeri itu dilihat semula dengan menggunakan pelbagai sumber yang terdapat di Malaysia yang masih kurang diterokai

⁶⁸ *Pahang Administration Report for the year 1927*, ms. 3

⁶⁹ *Pahang Administration Report for the year 1928*, ms. 3.

⁷⁰ *Pahang Administration Report for the year 1931*, ms. 43.

⁷¹ *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1937*, ms. 37.

⁷² *Pahang Administration Report*, 1929, ms. 4; *Pahang Administration Report*, 1930, ms. 2

pengkaji termasuk di Arkib Negara Malaysia cawangan Pahang di Kuantan yang telah dibuka pada 2011. Malah bagi yang mempunyai kemahiran bahasa asing, contohnya bahasa Belanda, pastinya akan dapat memanfaat sumber Belanda untuk memantapkan lagi penulisan sejarah negeri Pahang.

Rujukan

CO 437 *Sessional Papers Annual Report on the Society and Economic Progress of the People of Pahang*

Annual Report for the State of Pahang for the year 1888.

Annual Report on the State of Pahang for the year 1890.

Annual Report on the State of Pahang for the year 1891.

Annual Report on the State of Pahang for the year 1893.

Administration Report of the State of Pahang for the year 1895.

Annual Report for the State of Pahang for the year 1896.

Annual Report for the State of Pahang for the year 1897.

Annual Report for the State of Pahang for the year 1898.

Annual Report of the British Resident of Pahang for the year 1900.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1932.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1935.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1936.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1937.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1938.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1939.

Pahang Administration Report for the year 1910.

Pahang Administration Report for the year 1912.

Pahang Administration Report for the year 1916.

Pahang Administration Report for the year 1919.

Pahang Administration Report for the year 1922.

Pahang Administration Report for the year 1925.

Pahang Administration Report for the year 1926.

Pahang Administration Report for the year 1927.

Pahang Administration Report for the year 1928.

Pahang Administration Report for the year 1929.

Pahang Administration Report for the year 1930.

Pahang Administration Report for the year 1931.

Buku, artikel, tesis dan lain-lain

A. Samad Ahmad (peny.) *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 2003.

Abdul Talib Ahmad, *Dato Bahaman*. Pelabuhan Kelang, Syarikat Doyan Shipping: 1975.

Abdul Talib Ahmad, *Sejarah Dato Bahaman Orang Kaya Semantan*. Kuala Lumpur, Pustaka Garuda: 1965.

Abdullah bin Abdul-Kadir Munsyi, *Kesah Pelayaran Abdullah*. Singapura, Malaysia Publications Limited: 1965 cetakan kedua.

Abdullah Zakaria Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*. Ipoh, Yayasan Perak: 1997.

Abdullah Zakaria Ghazali, *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai di Terengganu, 1942-45*. Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya: 1996.

Abdullah Zakaria Ghazali, *Istana dan Politik Johor, 1835-1885*. Sri Kembangan, Yayasan Penataran Ilmu: 1997.

Abu Hassan Mohd. Sham. Peraturan dan Hukum Kanun di Pahang dari zaman Melaka hingga zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghaffur Muhaiyuddin Shah (1590-1614). Dalam Zainuddin Haji Jumaat et. al. (peny.), *Pahang Meniti Zaman*. Kuantan, Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Pahang: 2001.

Abu Talib Ahmad, *Museums, History and Culture in Malaysia*. Singapore, NUS Press: 2017 (edisi pertama 2015).

Abu Talib Ahmad. Sejarah negeri dalam pensejarahan Malaysia: Kes negeri Pahang. *Prosiding Pensejarahan Malaysia Pasca Merdeka* yang diadakan pada 21 & 22 Disember 2015 di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

Abu Talib Ahmad. Pahang State History: A Review of the Published Literature and Existing Gaps. *Kemanusiaan The Asian Journal of Humanities* 23(1): 2016. ms. 35-64.

Abu Talib Ahmad. Re-reading Adat Laws and Legal Texts as Sources of Malay Social Stability. Dalam Cheah Boon Kheng (peny.), *New Perspectives and Research on Malaysian History*. Kuala Lumpur, MBRAS: 2007.

Adi Haji Taha. Aspek-aspek prasejarah Pahang (tumpuan khusus kepada masyarakat memburu, mengumpul dan petani awal). Dalam Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman et. al. (peny.), *Pembangunan Arkeologi Pelancongan Negeri Pahang*. Pekan, Lembaga Muzium Negeri Pahang: 1997.

Andaya, Barbara Watson & Leonard Y. *A History of Malaysia*. London, Pelgrave: 2017 edisi ketiga.

Andaya, Barbara Watson, *Perak the Abode of Grace: A Study of 18th century Malay State*. Kuala Lumpur, Oxford University Press: 1979.

Andaya, Leonard Y. *The Kingdom of Johor, 1641-1728*. Kuala Lumpur, Oxford University Press: 1975.

Aripin Said. Manuskip lama Melayu di Muzium Sultan Abu Bakar. *Pahang Dalam Sejarah*, bil. 2: 1987. ms. 40-44.

Aruna Gopinath, *Pahang 1880-1933: A Political History*. Sri Kembangan, MBRAS: 1991

Assad Shukri, *Sejarah Kelantan*. Kota Bharu, Pustaka Aman Press: 1962.

Bonney, R. *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*. Kuala Lumpur, Oxford University Press: 1974.

Buyong Adil, *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1972.

Buyong Adil, *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1971.

Buyong Adil, *Sejarah Sabah*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1972.

Buyong Adil, *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1981.

Buyong Adil, *Sejarah Perlis*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1981.

Buyong Adil, *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1980.

Cheah Boon Kheng, *To' Janggut (Old Long Beard): Legends, Histories and Perceptions of the 1915 Rebellion in Kelantan*. Singapore, Singapore University Press: 2006.

Cheah Boon Kheng, *Malaysia: The Making of a Nation*. Singapore, ISEAS: 2002.

Cheah Boon Kheng, *The Peasant Robbers of Kedah 1900-192: Historical and Folk Perceptions*. Singapore, Oxford University Press: 1988.

Cheah Boon Kheng & Abdul Rahman Haji Ismail, *Sejarah Melayu: The Malay Annals MS Raffles No. 18*. Kuala Lumpur, MBRAS: 2005.

Clifford, Hugh. *In Court and Kampong: Being Tales and Sketches of Native life in the Malay Peninsula*. London, The Richards Press Limited: 1927. Edisi kedua.

- Dunn, F. L., *Rain-Forest Collectors and Traders: A Study of Resource Utilisation in Modern and Ancient Malaya*. Kuala Lumpur, MBRAS: 1975.
- Farish Noor, *From Inderapura to Darul Makmur: A Deconstructive History of Pahang*. Kuala Lumpur, Silverfish Books: 2011. Edisi kedua
- Jang Aisjah Muttalib, *Pemberontakan Pahang, 1891-1895*. Kota Bharu, Pustaka Aman Press: 1972.
- Juli Edo. Singkapan Sejarah Hubungan orang Semai dengan Kerajaan Melayu Lama Pahang. Dalam Norazit Selat (peny.), *Pahang Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Malaysia & Yayasan Pahang: 1996.
- Koch, Margaret Linley. "Malay Society in Temerloh: Pahang under British Colonial rule, 1889-1941." Ph. D. Dissertation, University of Columbia, 1992.
- Lambert, Donald Harley, *Swamp Rice Farming: The Indigenous Malay Agricultural System*. Boulder, Westview Press: 1985.
- Linehan, W. *A History of Pahang*. Kuala Lumpur, MBRAS: 1973.
- MA Fawzi Basri, *Sejarah Johor moden, 1855-1940: Satu Perbincangan dan Pelbagai Aspek*. Kuala Lumpur, Muzium Negara Malaysia: 1978.
- Mahani Musa, *Sejarah dan Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah, 1881-1940*. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: 2005.
- Matheson-Hooker, Virginia. *Tuffat al-Nafis Karangan Raja Ali Haji*. Seri Kembangan, Karyawan & Dewan Bahasa dan Pustaka: 1998.
- Mohd Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah, 1681-1942*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1990.
- Mohd Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-45 (Tumpuan kepada Kedah)*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1992.
- Mohd Isa Othman, *Pengalaman Kedah & Perlis: Zaman Penjajahan British*. Kuala Lumpur, Utusan Publications: 2001.
- Mohd Said Sulaiman, *Hikayat Johor dan Tawarikh Sultan Ibrahim sehingga 1941*. Johor Bahru, Pejabat Cetak Kerajaan: 1951.
- Mohd Said Sulaiman, *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar Johor*. Singapura, Sidang Methodist: 1926.
- Mohd Taib Osman (peny.), *Hikayat Seri Kelantan*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 2004.
- Muhammad Hassan, *Al-tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Pulau Pinang, Jelutong Press: 1928.
- Muhammad Husin Khal'ie Awang, *Kelantan dari Zaman ke Zaman*. Kota Bharu, Pustaka Dian: 1969.
- Muhammad Salleh Haji Awang (Misbaha), *Sejarah Darul Iman hingga 1337H-1918M*. Kuala Lumpur, Utusan Publications and Distributors: 1983. Cetakan kedua.

Mustapha Dato' Mahmud, *Tinggal Kenangan: The Memoirs of Dato Sir Mahmud bin Mat*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1997.

Nik Haslinda Nik Hussain. Writing on Orang Asli into Malaysian History. Dalam Cheah Boon Kheng (peny.) *New Perspectives and Research on Malaysian History*. Kuala Lumpur, MBRAS: 2007.

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman et. al. (peny.), *Pembangunan Arkeologi Pelancongan Negeri Pahang*. Pekan, Lembaga Muzium Negeri Pahang: 1997.

Ooi Keat Gin, *Of Trade and Native Interests: The Brookes and the Economic Development of Sarawak, 1841-1941*. Sri Kembangan, Oxford University Press: 1997.

Ooi Keat Gin, *Rising Sun Over Borneo: The Japanese Occupation of Sarawak, 1941-45*. Basingstoke, Macmillan: 1999.

Raja Chulan bin Hamid, *Misa Melayu Hikayat Silsilah Perak*. Kuala Lumpur, Pustaka Antara: 1968.

Rahimah Abdul Aziz, *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1885): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1997.

Rahmat Saripan, *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1970.

Rasid Mail et. al., *Sejarah Amalan Pengurusan Kewangan dan Perkembangan Praktik Perakaunan di Borneo Utara 1881-1963*. Kota Kinabalu, Penerbit Universiti Malaysia Sabah: 2014.

Sa'ad Shukri Haji Muda et. al., *Detik-Detik Sejarah Kelantan*. Kota Bharu, Pustaka Aman Press: 1971.

Samsiah Muhammad, Dr Hajah, *Panduan Sumber Bahan-Bahan Sejarah Negeri Pahang*. Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia: 2011.

Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak, 1946-1966: The search for unity and political ascendancy*. Kuala Lumpur, Oxford University Press: 1985.

Shaharil Talib, *After its Own Image: The Terengganu Elites, 1881-1941*. Kuala Lumpur, Oxford University Press: 1984.

Shaharil Talib, *History of Kelantan, 1890-1940*. Kuala Lumpur, MBRAS: 1995.

Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development*. Kuala Lumpur, MBRAS: 1984.

Siti Hawa Salleh (peny.), *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya: 1991.

Suzana Haji Othman, *Mencari Sejarah: Tun Mutahir Tun Ali Bendahara Seri Maharaja Pahang (1857-1863M)*. Tt, Pustaka BSM Enterprise: 2001.

Tang Su Chin, Julie, *Sejarah Kerajaan Perlis 1841-1957: The History of the Kingdom of Perlis 1841-1957*. Kuala Lumpur, MBRAS: 2002.

Mustapha Dato' Mahmud, *Tinggal Kenangan: The Memoirs of Dato Sir Mahmud bin Mat*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1997.

Nik Haslinda Nik Hussain. Writing on Orang Asli into Malaysian History. Dalam Cheah Boon Kheng (peny.) *New Perspectives and Research on Malaysian History*. Kuala Lumpur, MBRAS: 2007.

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman et. al. (peny.), *Pembangunan Arkeologi Pelancongan Negeri Pahang*. Pekan, Lembaga Muzium Negeri Pahang: 1997.

Ooi Keat Gin, *Of Trade and Native Interests: The Brookes and the Economic Development of Sarawak, 1841-1941*. Sri Kembangan, Oxford University Press: 1997.

Ooi Keat Gin, *Rising Sun Over Borneo: The Japanese Occupation of Sarawak, 1941-45*. Basingstoke, Macmillan: 1999.

Raja Chulan bin Hamid, *Misa Melayu Hikayat Silsilah Perak*. Kuala Lumpur, Pustaka Antara: 1968.

Rahimah Abdul Aziz, *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1885): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1997.

Rahmat Saripan, *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1970.

Rasid Mail et. al., *Sejarah Amalan Pengurusan Kewangan dan Perkembangan Praktik Perakaunan di Borneo Utara 1881-1963*. Kota Kinabalu, Penerbit Universiti Malaysia Sabah: 2014.

Sa'ad Shukri Haji Muda et. al., *Detik-Detik Sejarah Kelantan*. Kota Bharu, Pustaka Aman Press: 1971.

Samsiah Muhammad, Dr Hajah, *Panduan Sumber Bahan-Bahan Sejarah Negeri Pahang*. Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia: 2011.

Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak, 1946-1966: The search for unity and political ascendancy*. Kuala Lumpur, Oxford University Press: 1985.

Shaharil Talib, *After its Own Image: The Terengganu Elites, 1881-1941*. Kuala Lumpur, Oxford University Press: 1984.

Shaharil Talib, *History of Kelantan, 1890-1940*. Kuala Lumpur, MBRAS: 1995.

Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development*. Kuala Lumpur, MBRAS: 1984.

Siti Hawa Salleh (peny.), *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya: 1991.

Suzana Haji Othman, *Mencari Sejarah: Tun Mutahir Tun Ali Bendahara Seri Maharaja Pahang (1857-1863M)*. Tt, Pustaka BSM Enterprise: 2001.

Tang Su Chin, Julie, *Sejarah Kerajaan Perlis 1841-1957: The History of the Kingdom of Perlis 1841-1957*. Kuala Lumpur, MBRAS: 2002.

Thongchai Winnichakul. Writings at the Interstices: Southeast Asian Historians and postnational Histories in Southeast Asia. Dalam Abu Talib Ahmad & Tan Liok Ee (peny.), *New Terrains in Southeast Asian History*. Athens & Singapore, Ohio University Press, Singapore University Press: 2003.

Wan Shamsuddin Mohd Yusof, *Kedah Darul Aman Sepanjang Jalan*. Alor Setar, Perbadanan Muzium Negeri Kedah Darul Aman: 1992.

Wan Shamsuddin Mohd Yusof, *Kedah Darul Aman dalam Sejarah Liku-liku Perjuangan Menuju Kemerdekaan, 1891-1957*. Alor Setar, Perbadanan Muzium Negeri Kedah: 1992.

Wan Yahya Wan Muhammad Taib, *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*. Pulau Pinang, Mercantile Press: 1928.

Wan Zainon Wan Awang, *Panduan Sumber-sumber Bahan Mengenai Negeri Pahang*. Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia: 1996.

Winstedt, R. O., *A History of Johor*. Kuala Lumpur, MBRAS: 1992 (diterbitkan buat pertama kali pada 1936).

Winstedt, R. O. & Wilkinson, R. J., *A History of Perak*. Kuala Lumpur, MBRAS: 1974 (diterbitkan buat pertama kali pada 1934).

Yaakub Isa, *Hukum Kanun Pahang: Manuskrip Agung Negeri Pahang*. Pekan, Lembaga Muzium Negeri Pahang: 2003.

Yusof Hashim, Aruna Gopinath, *Tradisi Pensejahan Pahang Darul Makmur, 1800-1930*. Kuala Lumpur, Tempo Publishing: 1992.

Zainuddin Haji Jumaat et. al. (peny.), *Pahang Meniti Zaman*. Kuantan, Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Pahang: 2001.

Zulkifli Jaafar. Prasejarah Pahang Darul Makmr: Dengan Pengkhususan penyelidik arkeologi Hulu Tembeling. Dalam Zainuddin Haji Jumaat et. al. (peny.), *Pahang Meniti Zaman*. Kuantan, Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Pahang: 2001.